

Jilid I  
Bil. 10



Hari Isnin  
20hb Oktober, 1986

MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

### **MENGANGKAT SUMPAH:**

Y.B. Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad [Ruangan 1245]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1245]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986):**

**Jawatankuasa—**

**Jadual:**

**Maksud B. 18 [Ruangan 1296]**

**Maksud B. 46 [Ruangan 1320]**

**Maksud B. 56 [Ruangan 1332]**

**Maksud B. 62 [Ruangan 1370]**

## KANDUNGANNYA—(Samb.)

### USUL-USUL:

#### Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1986:

##### Jawatankuasa—

##### Jadual:

Maksud P. 17 [Ruangan 1289]

Maksud P. 18 [Ruangan 1296]

Maksud P. 19 [Ruangan 1301]

Maksud P. 28 [Ruangan 1305]

Maksud P. 36 dan P. 40 [Ruangan 1308]

Maksud P. 48 [Ruangan 1331]

Maksud P. 51 dan P. 54 [Ruangan 1332]

Maksud P. 61 [Ruangan 1339]

Maksud P. 63 [Ruangan 1372]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1352]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N..
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (TELUK INTAN).
- „ TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SO HA (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- „ TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor  
Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

- Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P., J.M.N.,  
S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 20hb Oktober, 1986

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-  
perkerusikan Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**SEKOLAH AGAMA/  
GURU AGAMA ISLAM  
DI SABAH**

**1. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menambah pembinaan sekolah-sekolah Agama Islam dan menghantar lebih ramai guru-guru agama Islam di negeri Sabah yang masih lagi di tahap serba kekurangan dari segi tenaga pengajaran dan kemudahan seperti apa yang terdapat di sekolah-sekolah sekular. Jika ya, bilakah cadangan ini dimulakan supaya masalah kerumitan yang dihadapi oleh umat Islam di negeri Sabah khasnya anak muda-mudi kita perlu diberi bimbingan agama yang cukup agar pengaruh-pengaruh barat dan sifat-sifat keduniaan tidak meresap ke jiwa mereka.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menambahkan pembinaan sekolah-sekolah agama Islam di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sudah ada dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Sabah iaitu di Limau dan di Bugaya. Sebuah lagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama sedang didirikan di Ranau dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1987. Ketiga-tiga buah sekolah ini sudah mencukupi untuk menampung kemasukan pelajar yang berkelayakan.

Di samping itu Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu bagi menghantar guru-guru agama ke Sabah apabila terdapat kekosongan jawatan dan terdapat calon-calon yang layak untuk menyandang jawatan tersebut.

Kementerian Pelajaran juga menyedari tentang kekurangan kemudahan bilik darjah asrama dan tenaga pengajar yang terlatih di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Perkara ini bukan hanya berlaku di Sabah tetapi juga terdapat di sekolah-sekolah lain di seluruh negara. Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah ini dari semasa ke semasa.

**Dato Haji Sakaran bin Dandai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehubungan dengan soalan saya ini, saya ingin mengemukakan pertanyaan

kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Oleh kerana Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS) memerlukan bantuan seperti kewangan untuk menambahkan bangunan sekolah agama dan juga kemudahan-kemudahan seperti guru-guru agama dan juga bekalan buku bacaan dan alat-alat sains untuk kegunaan pelajar-pelajar berkenaan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menerangkan apakah kiranya bantuan ataupun peruntukan sewajarnya boleh dihulurkan kepada badan itu oleh Kementerian beliau?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, walaupun terkeluar sedikit daripada soalan asal, kerana soalan asal ialah mengenai bidang kuasa Kementerian Pelajaran, tetapi Majlis Ugama Islam Negeri Sabah ialah satu badan tersendiri, namun demikian kerjasama yang telah kita beri ialah dalam bentuk guru-guru latihan dan dari segi peruntukan itu, saya kira memang pihak Kerajaan ada memperuntukkan mengikut dari segi jumlah pelajar berkenaan ataupun dalam bahasa Ingerisnya, "ratio" murid-murid.

Namun demikian, ini memang tidak mencukupi tetapi kita terus memberikan kerjasama kepada mereka. Namun begitu, saya perlu jelaskan bahawa masalah ini sebenarnya di bawah bidang kuasa pihak Kerajaan Negeri sendiri.

#### **PEGAWAI POLIS—KEBENARAN MEMBAWA WANG**

**2. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) berapa jumlah wang tunai yang dibenarkan dibawa pada satu-satu masa oleh pegawai polis semasa menjalankan tugas;

- (ii) apakah langkah yang diambil untuk menentukan arahan ini dipatuhi; dan
- (iii) sama ada langkah yang diambil ini berkesan.

#### **Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai dan anggota polis yang menjalankan tugas beat, patrol dan sekatan jalanraya hanya dibenarkan membawa wang tunai tidak melebihi \$10.00. Wang tersebut hendaklah diisytiharkan terlebih dahulu dan dicatatkan dalam buku saku, pocket book, dengan izin, serta Perharian Rasmi Balai, Station Diary, dengan izin, sebelum meninggalkan kawasan balai. Arahan ini terkandung di dalam Hukuman Tetap Ketua Polis Negara. Arahan yang berkuatkuasa ini sentiasa dipastikan penguatkuasaan dari masa ke semasa di mana beberapa langkah diambil seperti:

- (i) memberi syarahan-syarahan, ceramah serta dialog di Pusat-pusat Latihan Polis dan di seluruh peringkat kontinjen polis dari masa ke semasa;
- (ii) mengadakan latihan dalam perkhidmatan dengan mengulangkaji dan menentukan peruntukan Hukuman Tetap Ketua Polis Negara dan arahan berkaitan sentiasa dipatuhi;
- (iii) Ketua-ketua Polis Balai akan memberikan taklimat serta membuat pemeriksaan ke atas anggota di bawah jagaan masing-masing.
- (iv) menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan mengejut di tempat anggota menjalankan tugas;
- (v) menanamkan dan menerapkan nilai-nilai keagamaan di kalangan semua peringkat pegawai dan anggota pasukan;

- (vi) mengambil tindakan-tindakan tatatertib ke atas mana-mana pegawai atau anggota yang didapati tidak mematuhi arahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan dan langkah-langkah yang berkuatkuasa sekarang adalah mencukupi dan telah dilaksanakan dengan berkesan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan ini, pihak pegawai-pegawai polis ataupun anggota-anggota polis selalu didakwa ataupun dikatakan mereka ada terlibat sesuatu, mungkin dikatakan rasuah, mungkin ada kemungkinannya rasuah sebab orang-orang awam selalu didakwa. Sama ada Timbalan Menteri yang berkenaan boleh memberi tahu di Dewan ini jikalau tatatertib seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan hanya \$10.00 sahaja boleh dibenarkan dibawa oleh pihak polis atau pegawai-pegawai polis. Perkara ini mungkin tidak begitu seimbang daripada pihak Polis ataupun daripada orang-orang awam oleh kerana kadangkala pegawai polis mungkin hendak membawa wang untuk memberi anak-anaknya atau kawan-kawannya apabila selepas bertugas atau sebelum dia bertugas dan perkara ini kadangkala melibatkan satu salah faham antara Jabatan Polis dan ahli-ahli polis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tanya, tanya, buat soalan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Soalan, soalan akan sampai, soalnya ialah adakah anggota-anggota polis atau pegawai-pegawai polis apabila mereka menjalankan tugasnya sebelum itu, diperiksa atau diberi tahu daripada ketua-ketuanya apabila dia membawa lebih wangnya, lebih daripada \$10.00 apabila mereka menjalankan tugas.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah

nyatakan tadi, diperiksa dan tidak boleh melebihi \$10.00. Kalau melebihi \$10.00 tidak bolehlah.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada pemeriksaan-pemeriksaan yang dibuat bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan pada average, dengan izin, berapakah ahli-ahli polis yang melanggar arahan ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan arahan \$10.00 ini sejak 10 tahun yang lalu iaitu 1976 hingga 1986 belum ada pegawai polis yang dikenakan tindakan tatatertib kerana melakukan kesalahan tersebut, tetapi bagi anggota biasa seramai 73 orang.

#### HARGA BARANGAN UTAMA MALAYSIA

**3. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menjamin mutu barangan utama Malaysia terutamanya kelapa sawit dan getah sentiasa setanding atau mengatasi keluaran barangan yang sama daripada negara-negara lain; dan
- (b) apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk memulihkan semula kejatuhan harga barangan perusahaan utama seperti kelapa sawit, getah dan bijih timah di pasaran antarabangsa.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini adalah sangat panjang melebihi 9 muka. Oleh

yang demikian, saya pohon untuk menjawab secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JABATAN HAL EHWAL  
AGAMA—PENYELARASAN**

**4. Tuan Haji Mohamad bin Haji Yaacob** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan telah mewujudkan Jabatan Hal Ehwal Agama di peringkat Pusat, manakala di negeri-negeri pula ada Majlis Agama dan juga Jabatan Hal Ehwal Agama, adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu Badan Penyelaras di Peringkat Pusat supaya pentadbirannya dapat diselaraskan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor):** Tuan Yang di-Pertua, badan-badan penyelaras di peringkat pusat mengenai pentadbiran Hal Ehwal Islam di negara ini telah pun ditubuhkan iaitu:

(i) Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Majlis ini telah ditubuhkan oleh Majlis Raja-raja Melayu dalam 1969 untuk melaksanakan tugas-tugas yang berikut:

(a) membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada oleh Majlis Raja-raja, atau mana-mana kerajaan Negeri atau oleh Majlis Agama Islam Negeri dengan tujuan untuk memberi nasihat atau pengesyoran.

(b) memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan

perundangan atau pentadbiran Ugama Islam dan pelajaran Agama Islam dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

(ii) Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia—Jawatankuasa ini telah ditubuhkan dalam tahun 1979 dan tugas-tugasnya adalah seperti berikut:

(a) merancang dan menyelaras kegiatan Islam di negara ini untuk memastikan supaya dasar dan rancangan-rancangan pembangunan negara berjalan dengan lancar.

(b) menilai dan memberi cadangan terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan dan juga swasta berkaitan dengan masalah keislaman untuk memastikan supaya tidak ada pertentangan antara kepentingan negara dengan kepentingan Islam.

(iii) Lembaga Bersama Penyelaras Kegiatan Islam Malaysia—Lembaga ini telah ditubuhkan dalam tahun 1984. Antara tugas-tugas Lembaga ini adalah seperti berikut:

(a) merancang program-program dan aktiviti-aktiviti bagi pelaksanaan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

(b) memastikan bahawa pelaksanaan program dan aktiviti keislaman berjalan dengan agensi-agensi Kerajaan dengan cara yang bersepadu dan selaras dari segi matlamat, strategi dan pendekatan supaya tercapai

hasil yang maksima dan dapat dielakkan pertindihan dan pembaziran.

Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri adalah menjadi urusetia bagi semua badan penyelaras yang dinyatakan itu. Oleh itu, tidaklah perlu diwujudkan lagi badan penyelaras untuk menyelaras pentadbiran jabatan-jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan atau usaha yang diambil oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan Islam di dalam agensi-agensi Kerajaan.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor:** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang telah dibuat adalah dikhususkan kepada penyelarasan di antara Kementerian-kementerian Kerajaan. Perkara yang diberikan perhatian pada masa ini ialah tentang persidangan-persidangan. Oleh kerana banyak persidangan-persidangan dibuat secara berasingan dan kita dapati banyak resolusi-resolusi yang bertindih dan wang yang dibelanjakan adalah banyak maka kesemua Kementerian telah diberitahu supaya sebarang persidangan yang hendak dibuat mestilah dirujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai dengan penyelarasan dalam hal-hal lain seperti kursus penerbitan dan sebagainya sedang diuruskan bersama-sama dengan jawatankuasa yang telah dibentuk.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa telah wujud Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam dan sebuah Lembaga Penyelaras Kegiatan Agama.

Jadi soalnya saya ingin tahu apakah peristiwa yang berlaku di Majlis Agama Islam Sabah baru-baru ini di luar bidang kuasa Lembaga Penyelaras ini?

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu saya fikir tidaklah begitu tepat dengan maksud asal soalan, tetapi bolehlah saya menegaskan iaitu masalah penyelarasan adalah masalah yang dibincangkan apabila setiap pihak yang terlibat dalam jawatankuasa membentangkan perkara tertentu. Sekiranya timbul masalah seperti di MUIS, Sabah, perkara itu tidak akan diselaraskan sehinggalah ada permintaan yang khusus.

#### CUKAI JALAN ATAS KENDERAAN

**5. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk mengurangkan cukai jalan yang dikenakan ke atas lori-lori, bas-bas dan bas-bas sekolah memandangkan ke-melesetan ekonomi telah menjejaskan dengan teruknya bukan sahaja pengusaha-pengusaha kenderaan-kenderaan tersebut tetapi juga pengguna-pengguna kenderaan-kenderaan tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan cukai jalan yang dikenakan ke atas lori-lori, bas-bas dan bas sekolah. Ini ialah kerana sejak beberapa tahun kebelakangan ini, tindakan telah pun diambil untuk mengurangkan kadar-kadar cukai tersebut dan sekarang kadar-kadar ini boleh dianggap sebagai kadar-kadar yang berpatutan.

Sebagai contohnya, kadar cukai jalan yang kini dibayar oleh beberapa

jenis bas yang mana kuasa enjinnya adalah 2,000 c.c. ialah seperti berikut:

(i) Bas berhenti-henti	Petrol	\$67.20
	setahun	
(ii) Bas kilang	Petrol	\$18.00
	setahun	
	Diesel	\$672.00
	setahun	
	Diesel	\$180.00
	setahun	

Kadar cukai jalan untuk bas sekolah adalah berdasarkan kepada bilangan penumpang:

- (i) bas-bas kurang daripada 20 penumpang ialah \$4.50 sebulan bagi seorang penumpang;
- (ii) bas-bas sekolah 21 hingga 30 penumpang ialah \$6.75 sebulan bagi seorang; dan
- (iii) bas-bas sekolah yang mempunyai 30 penumpang dan lebih ialah \$9.00 sebulan bagi seorang.

Kadar cukai jalan bagi lori adalah bergantung kepada fakta-fakta seperti ukurannya, berat kenderaan itu dan sama ada kenderaan itu menggunakan minyak diesel ataupun petrol. Kadar cukai ini telah ditetapkan sejak 1hb September, 1980 dan boleh dianggap sebagai berpatutan.

#### DOKTOR/PAKAR PERUBATAN— PERLETAKAN JAWATAN

6. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan Doktor dan Pakar Perubatan yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dari tahun 1982 sehingga sekarang. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini terutama di negeri Sarawak. Sebutkan sebab-sebab mereka meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah Doktor dan Pakar-pakar Perubatan yang meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan mulai 1982 sehingga Jun, 1986 adalah seramai 1,112 orang. Pakar-pakar yang meletakkan jawatan adalah dari bidang-bidang Perbidanan dan Sakitpuan, Perubatan Umum, Pembedahan, Kanak-kanak, Radiologi Mata dan lain-lain.

Kementerian Kesihatan tidak dapat memberikan maklumat yang tepat mengenai sebab-sebab mereka meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan, kerana kebanyakan dari mereka memberikan sebab-sebab peribadi sebagai alasan perletakan jawatan. Walau bagaimanapun, kebanyakan dari mereka meletak jawatan selepas tempoh perkhidmatan wajib mereka untuk menjalankan klinik-klinik sendiri.

Untuk mengatasi masalah tersebut, Kementerian ini telah mengambil beberapa langkah seperti:

- (1) Menggalakkan Pegawai-pegawai Pakar terus berkhidmat dengan Kerajaan dengan:
  - (a) menaikkan elaun yang dibayar kepada Pegawai-pegawai Pakar. Ini telah dilaksanakan semenjak tahun 1983;
  - (b) menaikkan taraf jawatan-jawatan Pakar atau mewujudkan lebih banyak lagi jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi bagi pegawai-pegawai pakar;
  - (c) memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Pakar menghadiri persidangan atau kursus-kursus pendek di luar negeri; dan
  - (d) memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Pakar menceburkan diri di dalam

Pengurusan dan Pentadbiran hospital; dan dengan ini masalah di Jabatan-jabatan dapat diselesaikan dengan cepatnya.

- (2) Mengambil Pegawai-pegawai Pakar dari seberang laut secara kontrak sebagai langkah sementara.
- (3) Menggunakan Pakar-pakar tempatan di dalam sektor swasta di hospital-hospital Kerajaan secara, dengan izin, "sessional basis".
- (4) Menambah bilangan Pegawai-pegawai yang menjalani latihan, dengan izin, "post-graduate" dengan cara:
  - (a) memberi hadiah latihan atau cuti tanpa gaji kepada Pegawai-pegawai Perubatan untuk kursus-kursus lanjutan tempatan atau di seberang laut;
  - (b) meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan latihan di hospital-hospital yang sesuai; dan
  - (c) menganjurkan peperiksaan dalam negeri oleh kolej-kolej profesional seberang laut.
- (5) Memberi peluang menaikkan pangkat ke Tingkatan Kanan secara automatik kepada Pegawai-pegawai Perubatan yang telah berkhidmat dengan Kerajaan selama lima (5) tahun atau lebih.

Langkah-langkah tersebut di atas adalah meliputi seluruh Malaysia, termasuk juga negeri Sarawak.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Sungguhpun ada banyak langkah dilancarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan, tetapi saya nampak ada lagi banyak doktor

berhijrah kepada sektor swasta. Apakah sebab ini? Dan lagi, apakah sebab Kerajaan adanya satu cadangan atau usul di sini supaya melanjutkan perkhidmatan terpaksa atau "national service" lagi masa 5 tahun. Kalau langkah-langkah ini ada berkesan, usul ini tidak payah dicadangkan di sini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, bila kita meningkatkan atau kita menjalankan masa mengikut peredaran modenisasi negara kita dan sebagainya, kita juga dari segi perkhidmatan Kerajaan dapat didemokrataiskan dari cara yang sebenar. Oleh sebab itulah jikalau ada pakar-pakar atau pegawai-pegawai perubatan yang meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan, tentulah selain daripada sebab-sebab yang saya sebutkan tadi, barangkali ini satu perkara yang subjektif atau yang mengikut selera mereka masing-masing. Walau bagaimanapun, Kerajaan tentulah cuba sedaya upaya untuk membayar apa-apa layanan yang kita boleh beri kepada mereka.

Mengenai apa Yang Berhormat sebutkan tadi, bahawa kita bercadang bagi melanjutkan perkhidmatan wajib atau "compulsory service" itu kepada 5 tahun, itu barangkali tidak tepat, kita masih hadkan kepada cuma 3 tahun. Oleh sebab itulah dari segi untuk meramaikan atau mengadakan lebih pakar-pakar untuk berkhidmat dalam hospital dan sebagainya, di Bahagian Latihan dan Tenaga Manusia, Kementerian kita ini telah merancangkan satu program latihan dan kita berharap mudah-mudahan sampai tahun 1990 ini kita akan sekurang-kurangnya dapat mengatasi kekurangan pakar-pakar dan juga pegawai-pegawai perubatan.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu sebab yang utama untuk doktor-doktor pakar ini meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan ialah pendapatan mereka di

dalam bidang swasta begitu tinggi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengkaji satu sistem bagaimana doktor-doktor pakar dalam Perkhidmatan Kerajaan boleh juga berkhidmat di dalam bidang swasta setengah masa untuk menaikkan pendapatan doktor-doktor tersebut?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, berkhidmat dengan Kerajaan tentulah, saya rasa, bukanlah cuma untuk mendapat gaji sahaja atau untuk layanan yang tinggi-tinggi. Apa yang saya katakan di sini ialah dari segi perkhidmatan khasnya di lapangan perubatan, tentulah bukan cuma untuk gaji sahaja, tetapi untuk mencintai profesion itu dan juga dapat memelihara etika dalam profesion itu. Semua ini tentu diambil kira. Jadi, tentulah kita tidak dapat bandingkan dengan pihak swasta. Apa yang kita merasakan jikalau kita dapat doktor-doktor pakar itu berkhidmat sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, barangkali ini satu cadangan yang baik, tetapi buat waktu sekarang Kerajaan atau Kementerian merasakan apa yang kita dapat aturkan kini dapatlah dijalankan dengan baik.

## HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1984, 1985 dan sehingga bulan Jun, 1986 dengan memberi angka pecahan bagi kedua-dua hutang dalam dan luar negeri. Nyatakan juga jumlah penyenggaraan hutang (debt servicing) bagi pinjaman-pinjaman dalam tempoh tersebut.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dan juga penyenggaraan hutang tersebut bagi

tahun 1984, 1985 dan 1986 hingga bulan Jun adalah seperti berikut:

	1984 (\$ Juta)	1985 (\$ Juta)	1986 (Hingga Bulan Jun) (\$ Juta)
Hutang Dalam Negeri	37,075	40,812	42,177
Hutang Luar Negeri	20,847	23,075	25,773
Jumlah	57,922	63,887	67,950

Jumlah bayaran perkhidmatan untuk pinjaman-pinjaman tersebut yang meliputi bayaran balik pokok, bayaran faedah dan perbelanjaan mendapatkan pinjaman adalah seperti berikut:

Tahun	Bayaran Perkhidmatan (\$ Juta)
1984	6,269
1985	12,617
1986 (hingga bulan Jun)	7,270

**Tuan Zubir bin Embong:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada keperluan pembangunan dan pengurusan negara sekarang, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menerangkan kemungkinan hutang ini akan terus bertambah dan berapa peratuskah dijangkakan pertambahan itu daripada jumlah yang ada sekarang?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kita baru sahaja menandatangani satu pinjaman sebanyak US\$500 juta, selepas itu kita tidak akan membuat sebarang hutang lagi dalam tahun ini. Bagi tahun-tahun 1987 dan seterusnya, saya tidak dapat memberi angka-angka kerana kita belum buat lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, Kerajaan telah menyatakan bahawa tidak akan menambahkan hutang terutamanya

hutang luar negeri. Nampaknya daripada angka-angka yang diberi, hutang ini meningkat lagi.

Yang kedua, apakah nisbah pembayaran hutang sekarang? Apakah paras yang dianggapkan bahaya untuk negara ini?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya kata kita tidak akan menambahkan lagi hutang, maknanya tidak akan menambahkan lagi daripada hari ini. Yang bertambah ini ialah daripada tahun 1984 ke 1985, 1985 ke 1986—itu bertambah. Daripada sekarang kita tidak akan menambahkan lagi, maknanya tidak akan bertambah lagi. Saya pun hairanlah, Tuan Yang di-Pertua, tak mahu faham betul Wakil dari Kepong ini (*Tepuk*).

Satu lagi, dari segi jumlah bayaran, sebenarnya kita bayar dalam lingkungan 6% daripada G.N.P. kita. Ini tidaklah satu angka yang dianggap merbahaya buat masa sekarang ini. Tetapi saya hendak tegaskan lagi, kita akan cuba tidak menambahkan terutamanya hutang dari luar negeri.

#### **JALAN RAYA BEAUFORT KE MENUMBOK— MEMPERBAIKI**

**8. Tuan Abdul Mulok Awang Damit** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Kementerian Kerjaraya hendak memperbaiki dan membubuh tar jalan raya sepanjang 76 kilometer daripada Beaufort ke Menumbok demi untuk memberi kemudahan perjalanan yang baik kepada mereka yang ingin melawat Labuan dari tanah besar Sabah melalui Feri Sabah dari Menumbok ke Wilayah Persekutuan Labuan.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya telah ada rancangan di bawah Rancangan

Malaysia Kelima untuk menaikkan taraf dan membubuh tar jalan Beaufort ke Menumbok di sepanjang 24 kilometer itu dengan kos yang dianggarkan sebanyak lebih kurang \$60 juta. Oleh kerana keadaan kewangan negara sekarang tidak mengizinkan dan terdapat juga projek-projek lain yang juga diberi keutamaan, maka Kerajaan telah hanya menyediakan peruntukan sebanyak \$14 juta sahaja di bawah Rancangan Malaysia Kelima, iaitu bagi memperbaiki dan membubuh tar jalan tersebut. Pada tahun 1986 sejumlah \$4 juta telah pun disediakan untuk kerja-kerja penyenggaraan dan membubuh tar yang mana sedang dikendalikan secara departmental oleh Jabatan Kerjaraya Sabah.

Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan sebanyak \$14 juta itu akan disemak semula dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima dan jika didapati keadaan kewangan negara pulih ataupun bertambah baik, permohonan untuk menambahkan peruntukan tersebut akan dipohon untuk meneruskan kerja-kerja menaikkan taraf jalan itu dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas kepada Kerajaan dan terima kasih kepada Kementerian berkenaan untuk mengiktirafkan jalan raya daripada Beaufort ke Menumbok itu sebagai satu lebuh raya. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada tiga soalan, iaitu:

- (a) Adakah jalan raya ini, sepanjang 76 kilometer diberikan kepada pihak swasta untuk membinanya. Jikalau ya, adakah tawaran-tawaran yang sudah dibuat?
- (b) Adakah Kementerian Kerjaraya berhasrat untuk mengendalikannya sendiri seperti yang

sudah iaitu membuat, dengan izin, road alignment?

- (c) Bilakah jalan raya ini boleh siap dibina ke tahap lebuhraya dan berapakah peruntukan yang sudah diberikan sehingga tahun 1986 ini?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada apa-apa cadangan untuk menswastakan jalan yang saya katakan tadi.

Untuk menjawab soalan (b), Kementerian telah menyiapkan semua alignment atau aliran jalan dan rekabentuk sudah pun siap dan ada di dalam tangan Kementerian sekarang. Untuk tahun 1986 kita minta kelulusan Kementerian Kewangan untuk mendapat \$14 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima. Jikalau kita mendapat kelulusan daripada Kerajaan, kita akan mulakan kerja ini sebelum akhir tahun 1987.

### TAR BAGI JALAN-JALAN KAMPUNG

**9. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah beliau sedar bahawa Jalan-jalan Kampung di Luar Bandar masih banyak yang belum di "TAR", manakala jalan-jalan amatlah penting dalam semua urusan kehidupan rakyat dan merupakan penggerak utama ke arah pertumbuhan kegiatan ekonomi yang lebih cergas bagi mengurangkan kemiskinan rakyat Luar Bandar. Berapa banyakkah peruntukan yang disediakan untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung setiap tahun dan tidakkah Kerajaan bercadang menambahkan peruntukan tersebut, termasuk peruntukan membaiki jalan-jalan yang sudah rosak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari

kawasan luar bandar masih sangat-sangat memerlukan kemudahan infrastruktur yang lebih sempurna termasuk jalan-jalan kampung yang masih banyak yang perlu ditarkan. Saya telah memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini pada 14hb yang lalu bahawa Kerajaan tidak mampu untuk menyediakan kemudahan ini sekali gus kerana ia bergantung kepada kemampuan kewangan negara.

Bagi menjawab soalan kedua, jumlah yang dibelanjakan sejak tahun 1981 ialah \$377.4 juta. Secara terperinci peruntukan yang disediakan dalam tahun-tahun tersebut ialah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
1981 .. .. .	\$40.4 juta
1982 .. .. .	\$100 ..
1983 .. .. .	\$ 36 ..
1984 .. .. .	\$ 33 ..
1985 .. .. .	\$ 50 ..
1986 .. .. .	\$118 ..

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 1986 ini Kerajaan telah menyediakan peruntukan khas sebanyak \$12 juta bagi membaiki jalan-jalan yang telah dinaikkan taraf yang telah mengalami kerosakan.

**Tuan Ismail bin Said:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sama ada beliau sedar ataupun tidak bahawa Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui agensi Pembangunan Wilayah ada juga menjalankan program membina jalan luar bandar dalam program Kampung Tradisi. Jika beliau sedar, adakah beliau bercadang untuk menyelaraskan program yang dijalankan oleh agensi Pembangunan Wilayah ini supaya ianya tidak bertindih?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui agensi-agensinya Pembangunan Wilayah juga membina jalan-jalan di kawasan masing-masing dan pada pandangan Kementerian, ini tidak bercanggah kerana Kementerian yang berkenaan menyediakan jalan-jalan di kawasan pembangunan baru, sedangkan Kementerian ini menjalankan kerja-kerja pembinaan jalan di kawasan perkampungan lama.

**Tuan Hashim bin Shafin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian berkenaan bercadang di dalam menaikkan taraf jalan-jalan kampung tersebut itu, akan dibina dengan menggunakan simen dan dibuat secara gotong-royong atupun melalui Koperasi Pembangunan Daerah?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, memang itulah menjadi harapan pihak Kementerian ini, kita ingin menggalakkan pembinaan jalan dengan menggunakan simen oleh kerana pada masa ini bekalan simen banyak terdapat dalam negara kita dan menurut kajian yang dibuat walaupun harga kos permulaannya agak tinggi sedikit tetapi dari segi ketahanannya dan maintenancenya, dengan izin, jalan yang dibina daripada simen ini lebih tahan lama dan juga membina jalan-jalan kampung dengan menggunakan simen boleh memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk setempat kerana teknologinya mudah dan pihak Kementerian memang menggalakkan kerja-kerja membina jalan dengan menggunakan simen ini atau dikendalikan oleh Koperasi-koperasi Pembangunan Daerah.

### IMPORT SAYUR-SAYURAN

**10. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pertanian menyatakan sebab apa negara kita masih mengimport

sayur-sayuran daripada negeri Thailand dan Indonesia apabila sayur-sayuran itu boleh juga ditanam dalam negara kita.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan dasar perdagangan bebas bagi pengimportan hampir kesemua jenis sayur-sayuran kecuali kobis bulat dan kobis Cina yang dikenakan lesen import. Oleh yang demikian Malaysia masih mengimport sayur-sayuran yang boleh dikeluarkan dalam negeri sebabkan:

- (i) Sayur-sayuran tersebut tidak ekonomi dikeluarkan di dalam negeri disebabkan oleh ketidaksesuaian iklim seperti kentang, bawang, cili kering, cendawan kering, kekacang dan sayur-sayuran berhawa sederhana.
- (ii) Pengeluaran tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang meningkat di musim-musim perayaan dan pengeluaran yang berkurangan di musim hujan.
- (iii) Untuk menampung pengeluaran dalam negeri yang terhad disebabkan oleh kawasan tanah tinggi yang terhad dan kualiti sayuran yang rendah, misalnya lobak merah, kobis bunga, brocoli dan kobis Cina.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang menggalakkan pengeluaran sayur-sayuran secara komersial. Dengan ini peningkatan penggantian sayur-sayuran yang diimport dengan sayur-sayuran tempatan adalah dijangkakan.

Walau bagaimanapun perdagangan serantau berlandaskan semangat kerjasama perdagangan di antara anggota-anggota ASEAN akan

diteruskan selagi ianya tidak menjejaskan kepentingan Malaysia.

**Tuan Lau Dak Kee:** Soalan tambahan, memandangkan keadaan sayur-sayuran yang didapatkan daripada tempatan selalu mengalami satu keadaan di mana terdapat di Cameron Highlands sana banyak sayur-sayuran atau keluaran-keluaran di sana dibuang ke dalam sungai oleh kerana tidak dapat pasaran dan di sini juga kita dapati Kerajaan pun benarkan mengimport sayur-sayuran daripada negeri-negeri seperti Indonesia dan Thailand, adakah Kementerian yang berkenaan menjalankan apa-apa rancangan untuk mempertingkatkan keluaran sayur-sayuran tempatan, dan jikalau ada, apakah rancangan-rancangan telah dijalankan dan akan dijalankan?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan masalah petani-petani di Cameron Highlands yang ada dilaporkan buang sayur-sayuran di sungai, masalah ini bukan berkenaan mengimport tetapi berkenaan harga yang dikeluarkan oleh petani-petani di Cameron Highlands. Untuk memberikan faedah kepada petani-petani di Cameron Highlands, Kementerian kita mengeluarkan A.P. kepada pengimport-pengimport ialah dari satu bulan ke satu bulan sahaja dan kita ramalkan berapa sayur-sayuran boleh dikeluarkan oleh petani-petani di Cameron Highlands dan kita mengawal A.P. yang dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan-rancangan yang kita adakan ialah menggalakkan pengeluaran sayur-sayuran di negeri ini, kita menggalakkan sektor swasta untuk menanam sayur-sayuran di kawasan-kawasan yang luas lagi daripada sekarang oleh sebab sekarang petani-petani yang menanam sayuran-sayuran itu ialah petani tradisional iaitu petani-petani kecil.

## “SOGOSHOSHA” MOIC DI LIQUIDASI

**11. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada satu penyiasatan telah dijalankan untuk mengenalpasti sebab-sebabnya salah sebuah Sogoshosha yang bernama MOIC gagal kerana Kerajaan pernah membangga-banggakan bahawa ia bukti kejayaan dasar “Pandang ke Timurnya” dan juga Sogoshosha-sogoshosha lain serta memberi sebab-sebab MOIC di liquidasi dan Sogoshosha-sogoshosha lain gagal.

29-10-1986

**13. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sejauh mana penglibatan Kerajaan dalam “Malaysia Overseas Investment Corporation” atau Sogoshosha yang telah muflis (bankrupt) itu; dan
- (b) adakah dasar Sogoshosha itu masih dilanjutkan atau telah diberhentikan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana isi kandungan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang dijadual untuk dijawab pada 29-10-1986 ini menyerupai soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong untuk hari ini, maka saya mohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan itu pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Terima kasih. Adalah difahamkan bahawa kegagalan syarikat MOIC adalah disebabkan oleh kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam

syarikat itu dan Kerajaan tidak menjalankan sebarang siasatan. MOIC merupakan sebuah syarikat perniagaan am biasa, dengan izin, general trading company, dan dimodali oleh pemodal-pemodal tempatan. Adalah dipercayai bahawa syarikat-syarikat perniagaan lain yang digalakkan penubuhannya oleh Kerajaan supaya satu hari akan membesar dan akan dapat bertindak sebagai "Sogoshosha", tidak menghadapi kesulitan atau masalah seperti yang melanda syarikat MOIC. Oleh itu tidak ada sebab mengapa usaha-usaha untuk menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat supaya di suatu hari akan membesar menjadi "Sogoshosha" dihentikan oleh kerana satu dua syarikat menghadapi kegagalan.

Suka juga ditegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak pernah membanggakan mana-mana syarikat sebagai bukti kejayaan Dasar Pandang ke Timur. Lagi pun kejayaan atau kegagalan mana-mana syarikat tidak ada kaitan dengan dasar Kerajaan lebih-lebih lagi dengan Dasar Pandang ke Timur, kerana dasar ini yang berkali-kali ditegaskan oleh Kerajaan menitikberatkan etika kerja dan secara tidak langsung menggesa rakyat di negara ini mencontohi semangat dan cara bekerja orang-orang di Timur seperti di Jepun dan Korea Selatan.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri bilakah agaknya MOIC ini ditubuh dan didaftarkan, dan adakah tidak terlampau awal bagi kita untuk mengukur kejayaan ataupun kegagalan MOIC ini?

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana tidak ada maklumat untuk saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Kemaman mengenai tarikh penubuhan syarikat ini tetapi saya diberitahu ianya ditubuhkan

beberapa tahun baru-baru ini. Kita tidak dapat hendak memberi penjelasan tentang apa yang patut dibuat sebagai pengukuran terhadap kegagalan ataupun prestasi syarikat ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bukankah benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kemaman bahawa MOIC satu kegagalan yang besar oleh kerana sudah pun diliquidated dan kenapa Kerajaan begitu enggan untuk mengadakan satu siasatan yang mendalam, kenapa satu Sogoshosha yang pertama di mana diberi sokongan yang begitu kuat oleh Kerajaan dan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam beberapa kegiatan-kegiatan MOIC, bagaimanapun penasihatnya ialah Tan Sri Ghazali Shafie, seorang (bekas) Menteri kanan Kerajaan ini, kenapa begitu dengan semua latar belakang ini, MOIC ini boleh jatuh dengan begitu besar dan bukankah satu siasatan untuk dapat sebab-sebab boleh menjadi satu pengajaran kepada semua syarikat-syarikat dan khususnya kepada Kerajaan supaya di masa akan datang lebih teliti, lebih waspada sebelum memberikan sokongan tanpa siasatan kepada syarikat-syarikat semacam MOIC.

**Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, ada syarikat yang berjaya, ada syarikat yang menanggung kerugian serta kegagalan. Belum dapat diketahui sesuatu syarikat itu akan untung atau rugi sehingga ia menjalankan perniagaannya. Memanglah Kerajaan kita akan membantu dan menolong mana-mana syarikat terutama sekali yang mengambil bahagian di dalam pasaran antarabangsa kerana ia menghadapi saingan yang hebat.

Syarikat MOIC bukanlah syarikat utama yang dibantu oleh Kerajaan bahkan banyak lagi syarikat-syarikat

lain yang dibantu oleh Kerajaan. Syarikat ini ditolong oleh Kerajaan supaya dapat menandingi syarikat-syarikat lain di bidang antarabangsa. Syarikat ini sukalah dijelaskan bukanlah sebagai sebuah syarikat "sogoshosha" sebagaimana yang telah saya terangkan tadi ianya merupakan satu syarikat perniagaan am biasa, dengan izin, general trading company. Modalnya hanyalah \$5 juta dan ianya dimiliki oleh pemodal-pemodal dalam negeri. Kerajaan tidak mempunyai saham secara langsung dalam syarikat ini.

Walaupun ia telah menghadapi kegagalan, syarikat ini sudah pun menjadi pengajaran kepada banyak pihak lain. Kita tidak fikir perlu Kerajaan menjalankan siasatan atas kegagalan ini, walaupun kita ketahui kegagalan itu adalah oleh kerana kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam syarikat itu sendiri. Cukuplah bagi pengarah-pengarah dan mereka yang bertanggungjawab menyiasat tentang kegagalan ini dan mereka yang mengikut jejak langkah syarikat yang seumpama ini akan mengambil pengajaran daripada kegagalan itu tanpa campur tangan Kerajaan.

### ROMPAKAN DI JINJANG-KEPONG

**12. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan rompakan yang dilaporkan bagi kawasan Jinjang-Kepong dari tahun 1980 sehingga menjelang bulan Oktober, 1986. Secara perbandingan dengan bilangan kes rompakan yang dilaporkan:

- (a) pada tahun-tahun yang lepas; dan
- (b) di peringkat negara

apakah kadar pertumbuhan atau penyusutan kes rompakan di kawasan ini. Apakah pula bilangan mangsa yang dirompak dan diserang di kawasan ini.

Apakah bilangan kes rompakan yang masih disiasat dan yang telah ditutup setakat hari ini. Apakah jumlah perompakan di seluruh negara dalam tempoh masa yang sama.

#### **Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kejadian samun di kawasan Jinjang-Kepong yang dilaporkan dari tahun 1980 hingga bulan Jun 1986 ialah sebanyak 1,427 kes iaitu 3.7% daripada kesemua kejadian samun di seluruh negara yang berjumlah 38,068 kejadian. Perangkaan lanjut kejadian rompakan atau samun di kawasan Jinjang-Kepong itu adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1980	.. .. .	73
1981	.. .. .	108
1982	.. .. .	152
1983	.. .. .	229
1984	.. .. .	249
1985	.. .. .	340
1986 hingga Jun	..	276

Sementara itu perangkaan kejadian samun di seluruh negara pada tahun yang sama pula adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1980	.. .. .	4,737
1981	.. .. .	4,937
1982	.. .. .	4,510
1983	.. .. .	5,336
1984	.. .. .	5,991
1985	.. .. .	7,882
1986 hingga Jun		4,675

Tuan Yang di-Pertua, dari bilangan 1,427 kes yang berlaku di kawasan Jinjang-Kepong seramai 170 orang mangsa yang diserang dan dicederakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh yang sama

juga sebanyak 106 kes telah pun diselesaikan, 23 kes sedang dalam perbicaraan, 793 kes masih lagi dalam siasatan polis dan 505 kes telah pun ditutup.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya bilangan kes ini telah meningkat terutamanya tahun yang lepas dan mungkin tahun ini akan meningkat lagi. Apakah sebab-sebab yang mewujudkan keadaan sedemikian dan adakah kerana bilangan polis dan bilangan penduduk itu tidak begitu seimbang untuk menjalankan siasatan dan tugas yang lebih sempurna?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kalau kita lihat daripada angka-angka tersebut, memanglah meningkat terutama tahun 1984, 1985 dan 1986. Ini berkemungkinan besar oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi di mana pengangguran bertambah dan juga oleh kerana ada pihak-pihak tertentu terutama pihak-pihak penduduk yang tidak mengambil berat sangat tentang keselamatan, senang pihak-pihak yang berkenaan untuk membuat tindakan jenayah.

Bagaimanapun saya mengakui bahawa pasukan polis kita masih lagi tidak mencukupi untuk membanteras keadaan tersebut. Namun begitu, walaupun tidak mencukupi, kita mempunyai tindakan-tindakan yang tertentu untuk memastikan bahawa jenayah-jenayah ini dapat dibendung seperti mempertingkatkan keupayaan polis dari segi rondaan (beat), motosikal dan juga berkereta, dan di Kepong satu unit khas untuk menjalankan tindakan-tindakan pencegahan telah pun ditubuhkan dan unit ini sering menjalankan serang hendap dan pemeriksaan mengejut di sekitar kawasan berkenaan, sekatan jalan raya secara ad-hoc atau secara seponatan dijalankan di tempat-tempat yang agak strategik bagi mencegah dan juga mengesan. Kenderaan seperti

motokar dan motosikal yang sejenis yang sering digunakan oleh perompak-perompak diberi perhatian dengan lebih rapi semasa menjalankan pemeriksaan. Anggota-anggota khas di antara 2-4 orang sekumpulan diadakan tiap-tiap hari untuk menjalankan tindakan mencegah jenayah secara routine di tempat-tempat yang dipilih. Juga operasi khas dilancarkan sekurang-kurangnya dua kali dalam seminggu dan mengadakan perancangan khusus untuk menjalankan tindakan-tindakan yang boleh memberi kesan ke arah mencegah dan membanteras jenayah di kawasan Kepong iaitu kawasan Yang Berhormat sendiri.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya dapati kadar jenayah di kawasan Jinjang-Kepong ini agak tinggi iaitu sehingga Jun tahun ini ianya 276.

Saya ingin tahu selain daripada apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri itu, adakah pihak Kementerian ataupun pihak Timbalan Menteri sudah membuat penyiasatan sama ada masalah di sana, masalah yang disebutkan di sini disebabkan oleh soal-soal psychological atau mental, dengan izin, dan bukan kerana soal-soal lain. Sekiranya langkah dan penyiasatan itu telah dibuat, bolehkah pihak Timbalan Menteri menjelaskan lagi keadaannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa pertanyaan bersangkutan dengan psychological dan mental itu ianya meminta pendapat, saya tidak benarkan soalan semacam itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih banyak-banyak, Tuan Yang di-Pertua.

### BEKALAN AIR PAIP DI LADANG-LADANG

**13. Dr V. David** minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau sedar bahawa kebanyakan pekerja-pekerja ladang getah dan kelapa sawit tidak dibekalkan dengan air paip oleh JKR, dan mereka menggunakan bekalan air seharian mereka dari sungai dan lombong, dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air paip ini, walaupun masalah ini belum diatasi dengan sepenuhnya semenjak kita mencapai kemerdekaan 29 tahun dahulu.

**Menteri Buruh (Dato Lee Kim Sai):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memberitahu bahawa saya memang sedar bahawa terdapat rumah-rumah pekerja ladang getah dan kelapa sawit yang masih belum dibekalkan dengan air paip yang disediakan oleh JKR. Di beberapa ladang getah dan kelapa sawit, pihak tuanpunya ladang telah mengadakan sistem bekalan air yang memadai untuk penggunaan mereka sendiri termasuk keperluan rumah-rumah pekerja. Ladang-ladang yang terletak di tempat-tempat terpencil dan jauh dari sumber air paip umum, majikan-majikan memang menghadapi kesulitan dalam membekalkan air paip kerana ia akan melibatkan perbelanjaan yang sangat tinggi yang akan membebankan mereka lebih-lebih lagi di dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini.

Di ladang-ladang yang mempunyai sistem bekalan air sendiri, sumber air yang biasanya digunakan adalah anak sungai yang kecil, telaga atau air hujan.

Masalah kekurangan air telah dihadapi pada musim kemarau kerana sumber airnya tidak dapat menampung keperluan. Dengan demikian, pekerja-pekerja ladang terpaksa memperoleh

air dari punca-punca yang lain seperti sungai, lombong ataupun dengan bantuan Majlis Daerah atau Pihak Berkuasa Air.

Pada biasanya sistem bekalan air di ladang-ladang tidak mempunyai kelengkapan rawatan air untuk membersihkan air dengan sepenuhnya. Dengan demikian mutu air yang dibekalkan tidak setanding dengan mutu air paip Pihak Berkuasa Air. Penggunaan air dari sumber-sumber seperti perigi, sungai dan lombong bukannya semata-mata sepanjang tahun tetapi hanya dikebanyakan kes dalam musim kemarau sahaja. Tambahan pula dalam musim hujan walaupun air didapati tidak begitu jernih tetapi biasanya air tersebut selamat untuk diminum.

Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan lain-lain agensi Kerajaan akan sentiasa memastikan supaya mutu minima yang ditetapkan di bawah Akta Piawaian Minima Perumahan Pekerja 1966 serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya termasuk mutu bekalan air akan dipatuhi oleh semua majikan ladang.

**Dr V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini kita selalu ada ucap soal "adil". Pekerja-pekerja di ladang-ladang kelapa sawit dan getah berapa lama lagi mahu minum air dari hujan dan daripada parit-parit dan sungai-sungai. Bolehkah beri keterangan berapa lama, dan bolehkah orang-orang di dalam bandar minum air hujan? Ini soalan yang kita mesti mahu jawapannya kalau kita menerima yang "adil" dalam Dewan ini.

**Datuk Lee Kim Sai:** Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja dari ladang-ladang yang terpencil ataupun jauh dari infrastruktur sukar dianggarkan berapa lama lagi mereka terpaksa

menunggu dibekalkan air paip kerana memang setengah-setengah estet itu jauh berpuluh-puluh batu daripada infrastruktur sumber air atau daripada "main" air JKR, dengan izin.

Jadi, yang sebenarnya pekerja-pekerja ladang itu tidak minum air hujan terus tetapi air hujan itu ada di "treated", dengan izin, dan sistem bekalan air itu adalah dengan "satisfied" daripada pegawai kementerian saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, masa pun sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 26 adalah diberi di bawah ini).*

#### PERUNTUKAN PROJEK BESAR DI TAWAU

**14. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Kerjaraya menyatakan beberapa banyakkah peruntukan wang untuk projek-projek besar dalam penjagaan jalan dan pembinaan jalan-jalan baru di bandar-bandar besar di dalam negeri. Dalam hal ini berapakah anggaran peruntukan bagi seluruh negeri Sabah dan bagi Tawau khasnya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian saya ada menyediakan peruntukan sebanyak \$2.32 billion di bawah program pembinaan jalan raya, lebuhraya dan jambatan bagi seluruh Malaysia daripada jumlah itu, sebanyak \$404 juta disediakan bagi pembinaan jalan-jalan utama dan jambatan di Sabah, manakala peruntukan bagi Daerah Tawau sahaja adalah sebanyak \$81.4 juta.

Dalam tahun 1986 bagi negeri Sabah sahaja Kementerian saya telah menyediakan peruntukan sebanyak \$146 juta di bawah Program Pembinaan Jalan dan Jambatan, manakala sebanyak \$23.3 juta pula

disediakan bagi program penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan di Sabah.

Peruntukan yang disediakan bagi Bahagian Tawau dalam tahun 1986 adalah sebanyak \$17 juta bagi melaksanakan beberapa projek besar seperti berikut:

- (1) Jalan Tawau/Merotai,
- (2) Jalan Lahad Datu/Kunak/Balung/Semporna,
- (3) Jalan Lahad Datu Bekapit, dan
- (4) Jambatan Sg. Segama.

#### PENDATANG HARAM FILIPINA/INDONESIA

**15. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengusir pendatang-pendatang haram Filipina dan Indonesia dari Sabah dan menghalang mereka dari memasuki Negeri Sabah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas untuk menangkap, mendakwa dan mengusir keluar mereka yang dikesan sama ada di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia umpamanya dari bulan Januari hingga 31 Ogos 1986, seramai 521 orang pendatang haram Filipina dan 902 orang pendatang haram Indonesia telah diusir keluar dari Sabah. Selain daripada tindakan yang diambil ke atas pendatang haram yang dikesan, Kementerian Dalam Negeri juga telah menguatkan lagi kawalan di pintu-pintu masuk rasmi negara ini, di samping mengetatkan rondaan di kawasan-kawasan sempadan daratan dan perairan Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain Jabatan yang berkenaan. Ini adalah bertujuan untuk mencegah kemasukan warganegara asing secara haram ke negara ini.

## PENYAKIT AIDS— ANCAMAN

**16. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan kesengitan ancaman dari penyakit AIDS yang dihadapi dalam negeri ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Penyakit AIDS mula dikesan dan dilaporkan di Amerika Syarikat pada tahun 1981 dan semenjak tahun itu penyakit ini telah pun dilaporkan oleh beberapa negara di Eropah, Afrika dan Asia (termasuk Asia Tenggara). Di Malaysia, penyakit AIDS telah diwartakan sebagai satu penyakit yang wajib diberitahu kepada pihak berkuasa kesihatan. Sehingga 20 Oktober 1986, tidak ada satu kes pun penyakit AIDS yang telah dikesan di Malaysia. Tetapi Kementerian Kesihatan telah dapat mengesan 5 pembawa penyakit AIDS hasil daripada kajian contoh darah yang telah dibuat daripada bulan Julai hingga Disember 1985 ke atas penderma-penderma darah dan mereka yang berisiko tinggi.

Malaysia sebagai sebuah negara yang terbuka memanglah terdedah kepada ancaman penyakit AIDS. Ini adalah disebabkan terdapatnya golongan berisiko tinggi terhadap penyakit AIDS, seperti homoseksual pelacur, dan penagih dadah yang menggunakan suntikan di negara ini dan ramai di antara mereka yang suka melancang keluar negeri. Walau bagaimanapun tindakan-tindakan yang efektif yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan telah dapat mengurangkan ancaman ini. Kementerian sedang meneruskan kawalan di atas penyakit ini dengan kajian contoh-contoh darah.

## PERSATUAN DI KAMPUS UNIVERSITI

**17. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah yang dimaksudkan badan-badan yang

berdasarkan kaum di kampus universiti kita sama definasinya berkaitan dengan susunan atau komposisi ahlinya, nama badan itu atau kriteria yang lain, dan sebutkan badan-badan di seluruh pengajian tinggi di tanahair kita yang maksudkan sebagai badan yang berdasarkan kaum.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Badan-badan yang berdasarkan kaum di kampus universiti bermaksud badan-badan atau persatuan yang komposisi ahlinya adalah terhad kepada satu-satu kaum sahaja dan aktiviti yang dijalankan oleh badan-badan tersebut tidak melibatkan kaum lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada badan atau persatuan di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan yang menghadkan keanggotaan ahlinya pada satu-satu kaum sahaja. Di samping itu Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk menggalakkan hanya persatuan/badan yang menjalankan aktiviti-aktiviti ke arah menanamkan semangat cintakan negara, membentuk identiti kebangsaan dan memupuk perpaduan negara sahaja ditubuhkan di universiti-universiti tempatan.

## DUTI IMPORT ATAS BAHAN BINAAN

**18. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengecualikan duti import ke atas bahan-bahan binaan yang dibawa masuk ke dalam negara ini seperti besi keluli (steel bar), angle bar dan lain-lain sebagai satu langkah untuk membantu pembina-pembina tempatan mengurangkan kos pembinaan dalam usaha untuk mengembang dan memajukan industri binaan tempatan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Duti yang dikenakan ke atas bahan-bahan binaan seperti besi keluli, "angle bar"

dan simen adalah merupakan duti perlindungan untuk syarikat-syarikat pengeluar tempatan. Pengecualian cukai akan memberi kesan yang buruk kepada pengeluar-pengeluar tempatan kerana barang-barang import akan menjadi murah dan ini mengancam pasaran pengeluar-pengeluar tempatan. Pengecualian cukai import adalah dirasakan bukan merupakan satu penyelesaian.

Langkah-langkah kewangan yang telah diambil oleh Kerajaan seperti mengenakan kadar faedah yang rendah bagi pembinaan rumah kos rendah adalah dirasakan lebih munasabah.

### PENDATANG HARAM

**19. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah cara-cara yang berkesan serta kawalan keselamatan yang boleh melindungi orang awam dari ancaman para pendatang haram yang mana telah melakukan kes-kes jenayah seperti rompakan, membunuh dan merogol di seluruh negara.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Dalam mengambil tindakan dalam apa pun bentuk jenayah, Kerajaan tidak membezakan sama ada jenayah itu dilakukan oleh seorang rakyat di negara ini ataupun oleh pendatang haram. Tindakan yang tegas mengikut undang-undang akan diambil ke atas semua penjenayah tanpa mengira asal-usul mereka.

Pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu seolah-olah menyalahkan pendatang haram sahaja yang melakukan jenayah di negara ini. Sukalah saya tegaskan di sini bahawa jenayah yang dilakukan oleh pendatang haram tidaklah begitu tinggi kadarnya seperti yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi

tempoh 6 bulan pertama tahun 1986, dari bilangan 6,393 jenayah kekerasan yang dilaporkan hanya 255 atau 3.99% sahaja yang dilakukan atau disyaki dilakukan oleh pendatang haram. Mengenai jenayah harta benda pula dari bilangan 47,391 laporan hanya 737 atau 1.55% sahaja yang dilakukan atau disyaki dilakukan oleh pendatang haram. Dari angka ini jelaslah bahawa sebilangan besar kejadian jenayah di negara ini adalah dilakukan oleh rakyat kita sendiri.

Kerajaan sentiasa bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kadar jenayah dalam negara kita ini. Perlulah saya tegaskan di sini bahawa tanggungjawab mencegah jenayah ini bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata tetapi orang ramai juga sama bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan supaya mereka tidak menjadi mangsa. Mereka hendaklah sentiasa berwaspada ke atas keselamatan diri serta hartabenda mereka dan bekerjasama dengan polis dan memberi laporan sekiranya ada orang-orang yang dicurigai di kawasan mereka. Bagi tuan-tuan punya kedai dan juga institusi-institusi kewangan misalnya mereka juga adalah diseru untuk meningkatkan kawalan keselamatan di tempat masing-masing.

### BEKALAN AIR DI SANDAKAN

**20. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab berlakunya kekurangan bekalan air di Sandakan yang menyebabkan kesusahan teruk kepada penduduk-penduduk dan mengapa Kerajaan mengambil masa yang panjang untuk membaiki projek bekalan air di Sandakan serta apakah langkah-langkah jangkamasa pendek telah diambil oleh pihak Kementeriannya untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun mengikut maklumat yang diterima, Skim Bekalan Air Sandakan yang sedia ada berkeupayaan membekalkan air bersih kepada penduduk Sandakan sebanyak 6.6 j.l.s. (juta liter sehari), manakala permintaan bekalan air di kawasan itu adalah 8.1 j.l.s. iaitu kekurangan sebanyak 1.5 j.l.s., keadaan ini bertambah buruk lagi apabila sebuah perigi dalam (borehole) yang merupakan salah satu muka sauk (water intake) utama telah pecah pada bulan Mac 1986. Ini telah menyebabkan bertambah lagi kekurangan bekalan air sebanyak lebih kurang 20%. Untuk mengatasi masalah ini, saya telah difahamkan, bahawa pengorekan semula perigi dalam (redrilling borehole) yang pecah itu sedang dilakukan, dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Oleh itu bekalan air di Sandakan dijangka pulih kepada keadaan asal pada awal tahun 1987.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat masalah kekurangan bekalan air yang berlaku di Sandakan tidak dapat di atasi secara langkah jangka pendek sahaja, oleh kerana permintaan bekalan air sentiasa bertambah dengan cepat dari masa ke semasa. Oleh itu, satu skim jangka panjang yang dinamakan Skim Bekalan Air Sandakan Peringkat I (sambungan) telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah yang dapat membekalkan air tambahan sebanyak 14.3 j.l.s. Skim ini akan dapat memenuhi permintaan bekalan air sehingga tahun 2005 dan ianya dijangka siap pada tahun 1990.

#### FERI MALAYSIA— PERSINGGAHAN DI LABUAN

**21. Tuan Abdul Mulok Awang Damit** minta Perdana Menteri menyatakan

adakah Feri Malaysia bercadang untuk membuat persinggahan di Pelabuhan Labuan demi untuk menggalakkan pelancong-pelancong melawat ke Labuan sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai Pulau Pelancongan yang terkemuka di rantau ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Kerajaan telah pun meminta pihak Feri Malaysia Sdn Bhd mengkaji kemungkinan membuat persinggahan di Pelabuhan Labuan. Hasil kajian ini akan dibentangkan kepada Kerajaan untuk keputusan selanjutnya.

#### PENDATANG HARAM INDONESIA

**22. Dr V. David** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar akan sebilangan besar dari pendatang haram Indonesia yang tinggal di Malaysia. Bolehkah dia menerangkan dasar Kerajaan di atas pengambilan pekerja-pekerja dari negara-negara asing, dan juga membekalkan Dewan dengan senarai nama-nama negeri yang telah dikenalpasti untuk pengambilan pekerja ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri memang sedar bahawa warganegara asing, termasuk dari Indonesia, telah memasuki negara ini secara haram. Justeru itu, langkah-langkah positif telah dan sedang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri bagi mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir pendatang-pendatang haram itu, tanpa mengira negara asal mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia, dalam tahun ini, iaitu dari bulan Januari sehingga 31 Ogos 1986 seramai 8,577 orang pendatang haram telah ditangkap dan diusir keluar dari Malaysia.

Kerajaan membenarkan majikan-majikan tempatan dan juga syarikat antarabangsa yang berpangkalan di Malaysia untuk mengambil pekerja-pekerja professional, teknikal dan mahir dari luar negeri setelah Kerajaan berpuashati bahawa majikan-majikan itu telah gagal mendapatkan tenaga pekerja tempatan walaupun segala usaha telah dijalankan untuk mendapatkan mereka. Kemasukan pekerja asing ini adalah langkah yang diambil bagi mengisi jawatan-jawatan kosong yang tidak dapat dipenuhi oleh Warganegara Malaysia. Majikan-majikan dikenakan syarat tertentu seperti melatih Warganegara Malaysia untuk mengambilalih tugas dari pekerja-pekerja asing berkenaan. Kerajaan juga meluluskan jawatan-jawatan penting atau, dengan izin, "Key Posts" kepada syarikat-syarikat di Malaysia yang mempunyai modal asing. Jawatan penting ini boleh berterusan diisi oleh seorang pekerja asing selaku pegawai dagang. Tujuan jawatan penting diwujudkan ialah untuk membolehkan pelabur asing menjaga kepentingan pelabur-pelabur asing di negara ini. Jawatan penting ini boleh diisi oleh pelabur asing berkenaan atau wakil-wakil yang dilantiknya.

Selain daripada pekerja-pekerja professional, teknikal dan mahir, Kerajaan juga membenarkan majikan-majikan dalam sektor pembinaan dan perladangan membawa masuk buruh-buruh asing. Buruh-buruh asing ini dibawa masuk semata-mata untuk mengisi kekosongan pekerjaan yang wujud di sektor-sektor pembinaan dan perladangan yang tidak dapat diisi oleh tenaga buruh tempatan. Mereka dibenarkan bekerja disini secara kontrak selama 2 tahun sahaja dan selepas itu, mereka dikehendaki balik ke negara asal masing-masing.

Sehingga 1-10-86, seramai 113 orang rakyat Indonesia dan 674 orang rakyat Bangladesh bekerja sebagai buruh di ladang-ladang di negara ini.

Bilangan pekerja asing di dalam kategori professional, teknikal dan mahir yang bekerja di negara ini sehingga 31-12-85 mengikut negara asal mereka adalah seperti berikut:

Jepun .. .. .	4,016
Korea .. .. .	2,593
Singapura .. ..	807
Taiwan .. .. .	652
United Kingdom ..	1,753
Amerika Syarikat ..	1,075
India .. .. .	692
Pakistan .. .. .	106
Hongkong .. .. .	167
Filipina .. .. .	585
Burma .. .. .	110
Hong Kong CI .. .	94
Thailand .. .. .	22
Jerman .. .. .	19
Australia .. .. .	16
Peranchis .. .. .	13
Sweden .. .. .	10
Eropah .. .. .	43
Lain-lain .. .. .	3,690
Jumlah .. .. .	<u>16,463</u>

### KOPERASI DAERAH

**23. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah Koperasi Daerah yang ditubuhkan setakat ini. Bilakah Koperasi Daerah ini boleh berfungsi sepenuhnya, seperti mengadakan bekalan bahan-bahan binaan bagi membina jalan-jalan kampung secara gotong-royong oleh penduduk-penduduk luar bandar.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Jumlah bilangan Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) yang telah didaftarkan sehingga 30 September 1986 ialah 52 buah sementara 12 buah lagi adalah di dalam proses pendaftaran, di mana dokumen-dokumen pendaftaran telah diterima.

KPD boleh berfungsi sebaik sahaja ia didaftarkan dan dengan itu sah sebagai badan berkanun (dengan izin, body corporate) yang boleh menjalankan segala kegiatan mengikut undang-undang kecilnya.

### TANAMAN SAYUR-SAYURAN

**24. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pertanian menyatakan sebab apa Kerajaan kita tidak mampu melancarkan sistem pertanian untuk sayur-sayuran mengikut sistem ladang-ladang getah dan kelapa sawit yang telah berjaya dalam negara kita.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kementerian Pertanian di bawah DPN menggalakkan tanaman sayur-sayuran secara pengurusan ladang, sama di ladang-ladang yang sedia ada ataupun diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil secara berkelompok. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, penanaman sayur-sayuran tidak memerlukan keluasan beribu-ribu hektar untuk pengeluaran yang optima seperti yang diperlukan oleh ladang-ladang getah dan kelapa sawit. Ini adalah kerana sayuran adalah tanaman jangka pendek dan intensif yang boleh ditanam berulang kali di atas kawasan yang sama. Dewasa ini telah pun ada syarikat-syarikat swasta yang mengusahakan ladang-ladang tanaman sayuran seluas lebih seratus hektar. Oleh sebab projek-projek ini masih baru, Kementerian saya belum mendapat maklumat-maklumat mengenai kejayaan projek-projek tersebut. Kami bersedia memberi bantuan seperti maklumat-maklumat teknikal dan khidmat sokongan kepada sesiapa yang berminat untuk mencebur dalam bidang ini.

### PENGARAH INSTITUT TEKNOLOGI MARA—TINDAKAN

**25. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada apa-apa tindakan tatatertib telah diambil

terhadap Pengarah Institut Teknologi MARA, Datuk Nik Abdul Rashid Majid, kerana mencabar MCA berdebat mengenai keadilan dan persamaan dalam pembahagian kekayaan negara apabila beliau menutup suaikenal cawangan Kampus ITM Perlis pada 3-7-1986 kerana tindakan beliau itu telah melanggar Perintah-perintah Am.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran tidak bercadang mengambil tindakan tatatertib terhadap Datuk Nik Abdul Rashid Majid, bekas Pengarah Institut Teknologi MARA (ITM). Dalam ucapannya di cawangan kampus ITM Perlis itu beliau hanya mengatakan kesanggupannya untuk berdebat mengenai keadilan dalam pembahagian kekayaan negara yang berpatutan di kalangan penduduk-penduduk di negara ini. Perkara ini tidak melanggar peraturan-peraturan perkhidmatan ataupun memudaratkan apa-apa dasar, program dan keputusan Kerajaan.

### BUKU PANDUAN TELEFON DALAM BAHASA CINA

**26. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa Buku Panduan Telefon dalam bahasa Cina tahun 1986 tidak diadakan dan bila buku tersebut akan dikeluarkan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Buku Panduan Telefon dalam bahasa Cina untuk 1986 tidak dapat dikeluarkan sehingga hari ini kerana peruntukan tender untuk mencetakkan Buku Panduan berkenaan serta rundingan dengan penender yang berjaya baharu sahaja selesai. Buku Panduan telefon berkenaan dijangka dapat dikeluarkan pada suku pertama tahun 1987.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1986)**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN  
(TAMBAHAN) (Bil. 1) 1986**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1986 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Kedua)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986.*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada sebanyak 10 perkara lagi yang kita kena habiskan pada hari ini. Oleh yang demikian, saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memendekkan ucapan masing-masing dalam Jawatankuasa dan haraplah jangan bercakap atas dasar. Lepas ini saya akan meminta Menteri yang berkenaan iaitu Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan menjawab di atas Maksud Pembangunan P.17.

Sekarang saya kemukakan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan semula untuk dibahas. Saya minta Yang Berhormat dari Lembah Pantai sambung.

3.34 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Pengerusi, sebagai menyambung dan

mengakhiri ucapan saya pada 17hb Oktober, 1986 hari Jumaat yang lalu berhubung dengan Kertas Perintah 30 Tahun 1986 di bawah Butiran 26—Kompleks Perniagaan dan Pasar supaya di masa yang akan datang agar dapat Dewan Bandaraya memikirkan dengan terperinci apabila membuat sesuatu projek sepertimana yang saya sebutkan iaitu Kompleks Pasar Moden yang sekarang ini tidak mendapat sambutan sama ada daripada peniaga ataupun pembeli kerana kompleks tersebut memakan belanja yang begitu banyak tetapi hasilnya tidak mencukupi untuk membiayai kos penyelenggaraannya.

Berbalik kepada peruntukan yang telah diberi kepada P.17 Kementerian Wilayah Persekutuan yang berjumlah \$69,150,000 yang dikehendaki sebagai pinjaman kepada Majlis Perbandaran Labuan di Kertas Perintah 31 Tahun 1986 begitu juga di Kertas Perintah 30 Tahun 1986 Butiran Projek 33 saya mengharapkan agar bantuan dan pinjaman ini dapat Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mencantikkan dan memperindahkan Pulau Labuan yang seluas 35 batu persegi termasuk juga pulau-pulau kecil di persekitaran pulau itu untuk menjadikan satu pulau yang serba indah dan juga untuk memberi manfaat kepada penduduk-penduduk Pulau Labuan khasnya supaya Pulau Labuan itu di suatu masa yang akan datang dapat memberi tumpuan kepada pelancong-pelancong sama ada dari dalam ataupun dari luar negeri.

Saya mengharapkan juga supaya Wilayah Persekutuan Labuan dapat lebih banyak membawa pelabur-pelabur asing untuk mendirikan kilang-kilang perindustrian di pulau tersebut serta meneruskan projek pertanian dan juga perikanan. Dengan adanya projek seumpama ini nanti dapat meringankan lagi bebanan terhadap penganggur-penganggur di pulau tersebut untuk mendapatkan pekerjaan.

Di samping itu juga keutamaan harus diberi kepada menyediakan projek-projek termasuk infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air dan juga elektrik, sistem perparitan dan juga saluran najis. Dengan pinjaman ini juga saya mengharapkan Majlis Perbandaran Labuan akan dapat meningkatkan lagi Bandar Labuan akan lebih banyak menanam pohon-pohon di sekitar jalan lebuhraya di pulau tersebut dan kalau boleh masih ada tanah-tanah yang kosong dipunyai oleh Kerajaan di sekitar pantai yang indah dan permai itu dapat diperbaiki dengan menanam pokok-pokok yang rendang serta pohon-pohon kelapa.

Dengan adanya usaha-usaha ini kita mengharapkan agar dalam tempoh lima atau tujuh tahun akan datang pohon-pohon yang ditanam ini akan subur dan rendang untuk mempercantikkan lagi persekitaran Pulau Labuan.

Saya katakan ini, Tuan Pengerusi, saya telah pun berada di pulau tersebut dan membuat beberapa lawatan banyak lagi tanah-tanah kosong di sekitar Bandar Labuan yang penuh dengan semak samun supaya dapat dibersihkan dan ditanam dengan pohon-pohon kelapa ataupun pohon-pohon yang sesuai sehingga projek-projek dapat diadakan di kawasan tersebut nanti.

Di samping itu juga pelan tata-atur yang sempurna akan menjadikan Pekan Labuan lebih cantik dan teratur tidak sebagaimana yang ada pada masa sekarang ini. Kita mengharapkan Majlis Perbandaran Labuan berusaha agar pada suatu masa nanti Pulau ini dapat dijadikan satu pulau impian yang serba mewah beberapa tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya akhiri dengan ucapan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.40 ptg.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Arau, Kuantan, Lembah Pantai dan lain-lainnya yang telah menunjukkan minat terhadap beberapa perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan di antara lain mengenai penyertaan bumiputera di kompleks-komplek perniagaan dan di pasar-pasar di Wilayah Persekutuan. Ingin saya menjelaskan bahawa Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur telah mengenakan syarat supaya 30% daripada ruang tempat perniagaan hendaklah diambil oleh bumiputera sebelum "Sijil Kelayakan Menduduki" ataupun (Certificate of Fitness) dikeluarkan.

Berhubung dengan perkara ini juga, adalah dimaklumkan bahawa bagi projek-projek perniagaan pasar dan lain-lain lagi yang dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya, Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada bumiputera untuk mendapatkan ruang-ruang berkenaan. Dasar ini juga dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuantan telah membangkitkan soal pampasan di Labuan. Kementerian saya telah mengambil usaha sedaya-upaya untuk mengatasi pembayaran pampasan tanah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian memang mengakui terdapat masalah dalam pembayaran pampasan tanah di Labuan semasa pengambilan alih Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, Kementerian telah pun mengadakan

perundingan dengan Jabatan Penilaian Persekutuan dan lain-lain Jabatan yang tertentu dengan tujuan supaya proses mengambil alih dan pampasan tanah di Labuan dapat dipercepatkan. Kementerian saya telah mendapatkan Pegawai-pegawai dari Jabatan Penilaian khusus untuk menjaga perkara-perkara pampasan di Labuan.

Sehubungan dengan ini, adalah dimaklumkan bahawa tanah-tanah yang diambil balik bukan sahaja melibatkan projek-projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan tetapi juga melibatkan lain-lain Kementerian. Jumlah keseluruhannya harta milik tanah yang telah terlibat dengan pengambilan balik untuk projek-projek yang telah dikenalpasti ialah sebanyak 1,245 hakmilik melibatkan keluasan tanah sebanyak 1,259,536 hektar. Jumlah keseluruhan bayaran pampasan bagi kesemua pengambilan balik tanah dianggarkan sebanyak \$75 juta. Dari jumlah tersebut sebanyak \$32,500,000 telah pun dijelaskan, manakala bakinya masih belum dijelaskan. Kementerian saya akan berusaha untuk menyelesaikan masalah mengenai pampasan ini dan sekiranya tuan tanah tidak berpuas hati dengan jumlah pampasan, mereka boleh menuntut ke mahkamah mengikut Ordinan Pengambilan Balik Tanah Sabah, Chapter 69.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah membangkitkan mengenai kuota rumah pangsa dan juga kemampuan penghuninya untuk membayar sewa. Semua rumah pangsa yang dibina oleh Dewan Bandaraya adalah untuk disewakan. Tetapi bagi mereka yang telah menduduki rumah tersebut selepas tempoh 10 tahun, penghuni berkenaan bolehlah memohon untuk membeli. Di samping itu, sebagai rancangan jangka panjang, Dewan Bandaraya memang menyediakan 10% daripada jumlah rumah pangsa khas

untuk disewakan kepada penghuni yang tidak mampu untuk membayar ansuran bulanan. Dari segi kelayakan menduduki rumah pangsa, Dewan Bandaraya mengamalkan sistem mata di mana pemohon-pemohon yang betul-betul berkelayakan sahaja yang akan ditawarkan untuk menduduki rumah pangsa Dewan Bandaraya.

Mengenai ramai kaum Melayu yang terlibat dengan projek seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, sukalah saya menegaskan bahawa projek-projek yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Dewan Bandaraya kebanyakan terletak di kawasan-kawasan di mana sebahagian besar penduduk-penduduknya adalah terdiri dari kaum Melayu. Oleh itu tidaklah hairan mengapa banyak kaum Melayu menduduki rumah yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan mengenai perindustrian dan keluasan tanah perindustrian di Labuan. Di sini suka saya menjelaskan iaitu projek perindustrian di Labuan mengandungi projek industri berat dan industri ringan. Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai juga telah menimbulkan perkara ini sebentar tadi. Suka saya menyatakan bahawa di antara projek-projek industri berat termasuklah Sabah Shipyard, Kilang Ceramic, Sabah Flour dan Feed Mill, Sabah Gas Industry, Hot Fabricated Iron dan juga Power Plant yang menggunakan gas asli. Industri ringan termasuklah berbagai workshop, kilang payung, kilang proses ikan dan 58 unit gudang di Saguing untuk menyimpan berbagai-bagai barang. Keluasan kawasan untuk industri berat adalah sebanyak 200 ekar . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Ya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, adakah itu Sabah Shipyard ini bermaksud untuk membuat kapal selam dan sebagainya, industri yang berat?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, mintalah apabila membuat satu-satu penjelasan, mintalah serius. Sila teruskan.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini membuktikan memang DAP tidak serius dalam apa yang dibuatnya (*Tepuk*).

Kawasan industri berat bagi Labuan ialah sebanyak 200 ekar terletak di Rancha-Rancha dan juga tapak industri ringan adalah seluas 27 ekar. Dari ini juga seperti yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai sebentar tadi memang diambil perhatian yang serius oleh Kementerian saya.

Mengenai kilang-kilang haram seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai pada hari Jumaat yang lalu, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, memanglah pada masa ini Kerajaan kita tidak bercadang mengambil tindakan tegas terhadap kilang-kilang berkenaan. Ini disebabkan keadaan ekonomi yang lembab dan juga kilang-kilang ini memberi peluang kepada belia untuk bekerja. Namun demikian, kilang-kilang yang mencemarkan alam sekitar, kilang-kilang yang kotor menghalang lalu-lintas dan juga yang terdiri di tanah yang diperlukan untuk pembangunan, mereka terpaksa dipindahkan ke tempat yang tertentu sama ada di dalam Wilayah Persekutuan sendiri ataupun di dalam negeri Selangor.

Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$69,150,000 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$69,150,000 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986.

*Maksud B.18 (Jadual)—*

*Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.18 dan Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

3.48 ptg.

**Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh sedikit di bawah Kepala B. 18, Butiran 11, Kertas Perintah 28 iaitu mewujudkan program baru berikutan dengan penukaran taraf "Urusetia Majlis Dagangan Komoditi" kepada "Suruhanjaya Dagangan Komoditi".

**Tuan Pengerusi:** Perkara apa Yang Berhormat? Kertas Perintah 28?

**Dr Eng Seng Chai:** Kertas Perintah 28, Butiran . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Muka?

**Dr Eng Seng Chai:** Muka 4, Butiran 11.

**Tuan Pengerusi:** Muka 4?

**Dr Eng Seng Chai:** Suruhanjaya Dagangan Komoditi.

**Tuan Pengerusi:** Itu ialah token, Yang Berhormat. \$10.00 belum dibelanjakan lagi. Jadi, tidak boleh disentuh dalam Jawatankuasa, boleh diucapkan dalam principle, tetapi dalam Jawatankuasa tidak boleh diucapkan yang bersangkutan paut dengan perbelanjaan yang belum dibelanjakan.

**Dr Eng Seng Chai:** Tetapi sudah ada peruntukan.

**Tuan Pengerusi:** Hanya token, bukan yang dibelanjakan. Hanya token sahaja.

**Dr Eng Seng Chai:** Minta maaf, saya orang baru.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 30, Maksud P. 18, Butiran 55—Bantuan Teknik Perhutanan Sabah.

**Tuan Pengerusi:** Itu yang boleh dicakapkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bantuan ini merupakan satu projek yang baru, yang telah menerima pinjaman sebanyak \$4,424,000. Apakah bentuk bantuan teknik yang terlibat di bawah projek ini dan apakah butir-butir seterusnya mengenai projek ini seperti bilangan pakar asing yang mungkin digajikan dan jenis kajian yang mungkin dilakukan dan darjah penambahan hasil keluaran sektor perhutanan akibat daripada bantuan teknik ini; jumlah nilai ditambah bagi sektor perhutanan akibat daripada bantuan ini dan jumlah anggaran kos keseluruhan projek ini serta keluasan tanah yang menghasilkan balak. Apakah kaitan projek ini dengan kegiatan-kegiatan Institut Pengurusan Perhutanan ASEAN, dengan izin, ASEAN Institute of Forest Management, yang dibiayai oleh kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Kanada.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan dengan

memberi butir-butir yang selanjutnya. Adakah ini sebahagian daripada usaha-usaha untuk mengembangkan industri berasaskan kayu-kayan berpandu kepada Pelan Induk Perindustrian? Bagaimanakah projek ini dapat membantu industri kayu-kayan?

Tuan Pengerusi, maklumat-maklumat ini penting agar kita dapat mengetahui arah haluan industri perhutanan yang berkaitan di dalam negara ini.

Kita semua perlu sedar bahawa hasil pendapatan daripada sektor perhutanan tidak mungkin berterusan. Oleh itu pihak Kerajaan mesti membuat kajian menukar, dengan izin, feasibility, pelaburan berlanjutan ke dalam sektor ini, walhal langkah-langkah harus diambil untuk mengurangkan kepentingannya secara perlahan-lahan daripada ekonomi negara terutama sekali usaha-usaha yang dapat membuka perusahaan-perusahaan yang baru bagi negeri Sabah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Maksud B.18 dan P.18 Kementerian Perusahaan Utama.

**Dr Tan Seng Giaw:** Nampaknya Menteri tidak ada. Hendak saya ulang sekali lagi?

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad)** Kalau Yang Berhormat boleh, saya mengucapkan terima kasih.

**Dr Tan Seng Siaw:** Tuan Pengerusi, saya akan ulangkan semula. Di bawah Bantuan Teknik Perhutanan Sabah—Butiran 55 dalam Kertas Perintah 30 tambahan yang dikehendaki ialah sebanyak \$4,424,000. Ini merupakan satu projek yang baru. Apakah bentuk bantuan teknik yang terlibat di dalam projek ini? Butir-butir yang saya harap

dapat dijawab ialah mengenai bilangan pakar asing, jenis-jenis kajian dan penambahan hasil keluaran sektor perhutanan, jumlah nilai ditambah bagi sektor perhutanan dan jumlah anggaran kos keseluruhan projek ini, serta keluasan tanah yang menghasilkan balak. Apakah kaitan projek ini dengan kegiatan-kegiatan Institut Pengurusan Perhutanan ASEAN atau dengan izin, Tuan Pengerusi, ASEAN Institute of Forest Management, yang dibiayai oleh kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Kanada? Adakah ini sebahagian daripada usaha-usaha untuk mengembangkan industri berasaskan kayu-kayan berpandu kepada Pelan Induk Perindustrian dan bagaimanakah dapat membantu industri kayu-kayan? Itulah dengan ringkasnya. Sekian, terima kasih.

3.56 ptg.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat, yang telah membangkitkan perkara bersangkutan dengan Kementerian ini.

Untuk menjawabnya mengenai jumlah \$4.24 juta yang diperlukan dalam tahun 1986 ianya akan digunakan bagi membayar perbelanjaan seperti berikut:

- (1) Pembangunan ladang hutan seluas 1,000 hektar oleh SAFODA (Sabah Forestry Development Authority). Ini adalah separuh daripada keseluruhan Projek Perhutanan Sabah, Fasa I yang terdiri daripada 3,000 hektar ladang perintis dari jenis Assasia Magium di kawasan Bangkoka. Ini akan menelan belanja sebanyak \$3,750,000.
- (2) Pembangunan 50 hektar kebun-kebun kayu oleh Sabah Forest

Industries (Sdn) Bhd, ia akan menelan belanja lebih kurang \$0.120 juta.

- (3) Perbelanjaan-perbelanjaan oleh Unit Penyediaan dan pengawasan projek bagi perkhidmatan Juru Perunding iaitu \$0.225 juta.
- (4) Latihan Fellowship dianggar menelan belanja \$0.100 juta. Sebenarnya keseluruhan projek ini akan memerlukan 12-month fellowship bagi mengikuti latihan di luar negeri.
- (5) Pembelian dan penyelenggaraan kenderaan serta bekalan bagi pejabat adalah \$0.035 juta, dan pembelian kenderaan dan bekalan untuk pembangunan 200 hektar ladang hutan penyelidikan oleh Jabatan Hutan Sabah akan menelan belanja lebih kurang \$0.194 juta.

Jumlah bagi keseluruhan Projek Perhutanan Sabah, Fasa I ini ialah lebih kurang \$34 juta. Jadi peruntukan tambahan sebanyak \$4,424,000 yang dipohon ini adalah sebahagian daripada \$16.25 juta wang pinjaman Kerajaan Persekutuan yang dicadangkan diberi kepada Kerajaan Sabah untuk melaksanakan Projek Perhutanan Sabah, Fasa I. Kerajaan Negeri Sabah akan membiayai sendiri baki kos yang diperlukan untuk melaksanakan projek ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$10 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$4,424,000 yang disebutkan dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,424,000 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986.

*Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas.

*3.58 ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, hanya satu perkara sahaja, iaitu Kertas Perintah 30, Butiran 2, Bank Pertanian Malaysia, (ii) Pinjaman—(f) Program-program Lain, tambahan \$176,000. Walaupun pinjaman yang diberi tidaklah besar bila dibandingkan dengan pinjaman-pinjaman dan pemberian-pemberian secara langsung kepada Kementerian-kementerian lain, ianya juga tidak merupakan pinjaman yang pertama dan nampaknya bukanlah pinjaman yang terakhir.

Sejak Persidangan Dewan Rakyat pada bulan Mac, 1985 sebanyak \$5,366,000 telah dipinjamkan kepada Bank Pertanian Malaysia di bawah Butiran 2. Pada bulan September, sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah \$12.05 juta pinjaman yang diberi kepada nelayan-nelayan negeri Terengganu oleh Bank Pertanian masih dihutangkan. Hutang-hutang ini adalah hasil daripada pinjaman kepada nelayan untuk membeli bot-bot, enjin-enjin dan perlengkapan-perlengkapan perikanan.

Sekarang, Tuan Pengerusi, pinjaman pula diberi kepada Bank Pertanian untuk membiayai projek-projek lain. Apakah di antara projek-projek ini? Saya berharap pihak Kementerian akan mengkaji semula keberkesanan projek-projek bantuan kewangannya kepada para petani, nelayan dan pekebun-pekebun kecil sebelum pinjaman sewenang-wenangnya diberi seperti dicontohi di atas. Pinjaman diberi agar para nelayan dapat memoden dan menambahkan hasil penangkapan mereka. Tetapi mereka kurang berjaya kerana mereka masih belum berdaya untuk memperolehi pendapatan yang mencukupi untuk rezeki hidup mahupun membayar balik hutang mereka. Oleh itu, Tuan Pengerusi, tambahan ini akan menjadi lebih berguna jika dilaburkan ke dalam projek-projek sampingan untuk meningkatkan pendapatan para petani, nelayan dan pekebun-pekebun kecil seperti industri-industri kecil, industri kampung dan rumah, perniagaan-perniagaan kecil peningkatan produktiviti kilang, pengilang padi, perusahaan tanah rang, tanah terbiar dan sebagainya.

Kumpulan-kumpulan penduduk luar bandar ini mesti diberi bantuan tetapi sekadar memberikan bantuan pinjaman sahaja adalah tidak mencukupi kerana wang tersebut mungkin dibazirkan. Sebelum pihak Kerajaan dapat membantu mereka itu, ia mesti terlebih dahulu mengesyorkan pengurusan pentadbiran Kementerian dan jawatan-jawatan sendiri adalah cekap dan tidak menyeleweng daripada tujuan asal mereka. Sekianlah, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Adakah Ahli Yang Berhormat lain yang hendak bercakap lagi?

*4.01 ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja

sebagai pandangan kepada apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kepong.

Saya agak terkilan apabila mendengar Ahli Yang Berhormat daripada Kepong bercakap dan menyentuh tentang peruntukan tambahan yang telah diberi di bawah P.19, Kementerian Pertanian di bawah Kertas Perintah 30 yang berjumlah \$176,000. Itu pun nampaknya menjadi masalah, manakala kita sedar pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, malah peruntukan seperti ini pun belum mencukupi. Saya menjangkakan peruntukan tambahan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak bagi jalan?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya bagilah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu adalah tak berapa faham. Saya menyebutkan tadi, bukan sahaja pinjaman sebesar ini, ada lebih banyak dalam bulan Mac 1985 lagi, ada lebih daripada \$5 juta dipinjamkan untuk maksud-maksud seperti ini dan saya tekankan bahawa pengurusan dan keberkesanan yang penting bukan wang sahaja—wang diberi mudah tetapi prestasi yang susah hendak dicapai.

**Tuan Pengerusi:** Baik, sila sambung.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, bukan saya tak faham, tetapi Ahli Yang Berhormat daripada Kepong itu keliru, sebab maksud saya, walaupun saya faham peruntukan pun sudah diberi \$5 juta lebih dahulu, tetapi saya menjangkakan peruntukan bagi Kementerian ini patut dilipatgandakan memandangkan Kementerian ini adalah . . . .

**Tuan Pengerusi:** Soalnya, Ahli Yang Berhormat, patut atau tidak tak

berbangkit kerana duit ini telah pun dibayar; jika hendak kata tahun depan, bolehlah tetapi ini yang telah dibayarkan. Tidak boleh bercakap macam itu. Bercakaplah sama ada berkenaan wang telah dibelanjakan itu betul atau tidak, iaitu sebanyak \$176,000 itu. Tetapi patut ditambah tak boleh, kerana sudah dibayar.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, peruntukan \$176,000 itu walaupun dikirakan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Bukan peruntukan, perbelanjaan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Perbelanjaan \$176,000 itu adalah diharapkan dapat mengenakan sasaran program yang dimaksudkan kerana kita dapati masalah-masalah yang dihadapi oleh petani dan nelayan ini merupakan masalah-masalah yang seharusnya menjadi agenda utama kepada negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Pengerusi, tambahan peruntukan pinjaman sebanyak \$176,000 adalah dikehendaki bagi membolehkan Bank Pertanian Malaysia membiayai keperluan kredit sara hidup, dengan izin, consumption credit, bagi petani di kawasan Rompin Utama di bawah projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Rompin/Endau. Jumlah peserta yang terlibat ialah 56 orang iaitu:

- (i) 31 orang bagi Kumpulan Pertama.
- (ii) 25 orang bagi Kumpulan Kedua.

Jumlah pinjaman yang telah digunakan ialah \$71,300 bagi kumpulan pertama sahaja, manakala pemberian pinjaman bagi kumpulan

kedua tidak dapat dilakukan oleh kerana perubahan dalam Dasar Beras Negara.

Oleh yang demikian, kawasan ini tidak dimasukkan dalam 8 kawasan jelapang padi negara oleh kerana didapati kos pengeluaran yang tidak berekonomik.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$176,000 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$176,000 untuk maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986.

*Maksud P.28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

4.07 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 30, Butiran 20 iaitu mengenai Projek Sabah Gas Utilisation, tambahan \$69.3 juta. Ini merupakan satu pinjaman kepada satu projek yang baru dan saya ingin mengetahui beberapa perkara mengenainya. Apakah kaitan dengan projek Sabah Gas Industries yang dilaporkan bernilai \$2.4 billion dan hanya akan berhasil selepas 10 tahun

serta menguntungkan sekumpulan orang yang kecil sahaja? Jika tidak ada apa-apa kaitan, apakah butiran-butiran mengenai projek baru ini seperti bagaimanakah projek itu dapat menyumbangkan kepada pengembangan industri petroleum dan gas di dalam negara, peningkatan nilai eksport gas, peningkatan penggunaan gas sebagai bahan api atau tenaga di dalam negara, penyediaan peluang-peluang pekerjaan dan peningkatan tingkat teknologi gas yang telah tersedia ada di dalam negara? Adakah projek ini diusahakan sama-sama dengan negara yang lain, negara asing? Jika ada, apakah negara tersebut dan sumbangan kewangan, teknologi dan ganjaran negara ini dari penglibatan mereka? Jika terdapat kaitan dengan projek Sabah Gas Industries, apakah peranan projek yang baru ini? Siapakah di antara rakan-rakan perkongsiannya, bagaimanakah projek baru ini dapat mengurangkan kerugian atau beban hutang yang ditanggung oleh projek Sabah Gas Industries?

Saya berharap pihak Kerajaan tidak akan melaburkan wang sejumlah besar ini ke dalam projek gas sewenang-wenangnya seperti yang dilaburkan ke dalam projek Sabah Gas Industries yang memerlukan sebanyak \$195 juta untuk membayar beban hutang pinjaman. Projek-projek sedemikian dan tentunya diluar keupayaan kewangan Kerajaan terutama sekali semasa kemelesetan ekonomi. Jika Kerajaan berkeras kepala untuk meneruskan projek-projek seperti ini Kerajaan perlu terlebih dahulu mengemukakan angka-angka serta bukti yang dapat menyokong, dengan izin, feasibility projek ini terhadap rakyat Malaysia serta tempoh masa sebelum projek tersebut berhasil. Projek seperti ini mestilah dibahaskan di Dewan yang mulia ini atau sekurang-kurangnya laporan kemajuan dibentangkan dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila Menteri Berkenaan menjawab.

4.10 ptg.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, sebenarnya sewaktu membincangkan di peringkat polisi perkara ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tetapi Yang Berhormat dari Kepong membuat sedikit kesilapan dengan mencampur-adukkan Sabah Gas yang dia kata hendak dijual ke Jepun dan sebagainya dengan projek ini.

Projek ini adalah Sabah Gas Utilisation Project. Tidak ada kena-mengena dengan Sabah Gas. Sabah Gas Utilisation Project yang terlibat ini ialah untuk mengeluarkan HBI ataupun Hot Bricated Iron dan juga Methanol. Bahan-bahan ini dikeluarkan untuk dijual di pasaran tempatan dan juga pasaran dunia, bukan gas yang dijual. Sama ada wang ini perlu diperbincangkan terlebih dahulu, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa projek ini mengalami sedikit kekurangan segi wang tunai yang dianggarkan sebanyak \$400 juta dari sekarang sehingga 4-5 tahun akan datang. Maka bagi tahun 1986 kekurangannya ialah sebanyak \$69.3 juta yang mana kita telah beri di bawah pinjaman pada bulan Mac tahun 1986. Maka itulah sebabnya kita meminta diluluskan melalui Anggaran Perbelanjaan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1986.

Saya harap juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa ini adalah pinjaman dan apabila syarikat ini berupaya menampung perbelanjaan dan cash flownya baik, maka wang ini akan dikembalikan balik.

Saya rasa hal-hal lain tidak perlu saya timbulkan oleh kerana ini adalah syarikat biasa.

Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$69,300,010 yang disebutkan dalam maksud P.28 dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Kewangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$69,300,010 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986.

*Maksud P.36 dan P.40 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986.*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.36 dan P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahaskan.

4.14 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, izinkan saya menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Kertas Perintah 30 tahun 1986, muka surat 8. Di sini saya ingin mendapat izin bercakap atas Butiran 2 Bangunan-bangunan Penjara di bawah maksud Pembangunan 40—Jabatan Penjara dan disamping itu juga saya suka menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Kertas Perintah 31 tahun 1986, muka surat 5, di bawah perenggan 4.3 Sektor Keselamatan dimana satu jumlah sebanyak \$2 juta dikehendaki di bawah subsektor keselamatan Dalam Negeri untuk membiayai pembinaan Penjara Remand Tahanan Imigresen di Kajang, Selangor dan di Simpang Renggam, Johor.

Tuan Pengerusi, pada pertamanya saya ingin menyokong peruntukan sebanyak \$2 juta ini untuk membiayai

pembinaan Penjara Remand Tahanan Imigresen, di Kajang, Selangor dan juga di Simpang Renggam, Johor. Saya berpendapat bahawa pembinaan Remand Prison ataupun Tahanan Imigresen di Kajang ini ialah satu perkara yang diperlukan untuk membantu menyelesaikan masalah kesesakan di dalam penjara.

Bercakap atas tajuk ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa masalah kesesakan dalam penjara kita hari ini boleh disifatkan sebagai amat serious. Jumlah banduan-banduan dalam penjara-penjara kita telah bertambah dari 9,225 orang dalam tahun 1980 kepada lebih kurang 18,192 orang sehingga akhir tahun yang lalu.

Sebagai satu contohnya Penjara Pudu adalah merupakan satu-satunya yang saya ingin menitikberatkan di sini mengenai masalah kesesakan dalam penjara. Suka saya menyatakan di sini bahawa Penjara Pudu yang sebenarnya dibina untuk memuatkan hanya lebih kurang 800 orang banduan, tetapi pada masa sekarang terdapat lebih daripada 3,800 orang banduan dan yang kebanyakan mereka adalah menjalani hukuman kerana kesalahan dadah.

Mengenai peruntukan \$2 juta ini, berkenaan dengan Penjara Remand ini, izinkan saya nyatakan di sini bahawa masalah kesesakan di Penjara semakin rumit dengan pertambahan bilangan banduan remand. Sebagai contoh di Penjara Pudu, terdapat lebih kurang 1,800 orang banduan remand. Masalah kesesakan dalam penjara bertambah kerana pertambahan bilangan banduan-banduan remand ini dan yang sebenarnya Malaysia yang mempunyai lebih kurang 9,000 orang banduan remand dipercayai menduduki tempat kedua dalam kawasan Asia Pasifik selepas Sri Lanka dan adalah didapati bahawa 45%

daripada jumlah banduan-banduan dalam penjara-penjara kita pada hari ini adalah banduan-banduan remand ini.

Sepertimana saya telah katakan tadi bahawa tentulah saya menyokong peruntukan ini oleh sebab adalah sangat mustahak bagi pihak Kerajaan bukan sahaja untuk mendapat kelulusan sebanyak \$2 juta ini, tetapi saya berpendapat bahawa sebagai salah satu cara yang berkesan untuk mengatasi masalah-masalah kesesakan di Penjara ini, pihak Kerajaan hendaklah mendapat, kalau boleh dalam belanjawan akan datang mendapat lebih banyak peruntukan bagi tujuan untuk membina lebih banyak penjara di negara kita untuk mengatasi masalah kesesakan ini.

Tuan Pengerusi, pertambahan bilangan banduan remand ini ialah disebabkan pihak Polis sudah tidak berupaya menjalankan pendakwaan terhadap setengah-setengah kes. Bagi mengatasi masalah ini pihak Polis pada pendapat saya tidak seharusnya menahan orang-orang yang disyaki sehingga hasil siasatan disiapkan supaya pendakwaan boleh dibuat dengan segera.

Satu lagi sebab pertambahan bilangan banduan remand ini ialah kerana terdapat ramai yang ditahan atas kesalahan yang tidak dijamin ataupun dengan izin, "non-bailable offences" ialah banduan remand disebabkan mereka tidak mampu membayar jaminan ini.

Kesesakan dalam penjara juga berpunca kerana bilangan pesalah-pesalah dadah yang besar yang ditahan semasa operasi pihak Polis dijalankan. Yang sebenarnya baru-baru ini Ketua Pengarah Penjara pernah menyatakan bahawa kesesakan di penjara di negara ini bertambah buruk apabila 50% daripada banduan terdiri dari penagih-penagih dadah dan

pendatang haram yang menunggu masa penghantaran balik ke negara asal mereka.

Tuan Pengerusi, dalam perbincangan di sini saya juga ingin mengesyorkan kepada pihak Kerajaan untuk mengambilkira satu cadangan yang saya ingin kemukakan di sini, iaitu berhubung dengan perkara banduan. Saya ingin menggesa Kerajaan supaya mengkaji kemungkinan melaksanakan Konsep Penjara Terbuka ataupun Open Prison Concept, dengan izin, sebagai satu cara bagi banduan menjalani hukuman dengan melakukan kerja-kerja kemasyarakatan. Banduan yang disabitkan kesalahan bukan jenis jenayah yang serius boleh menjalani hukuman mereka menerusi kerja-kerja kemasyarakatan yang saya cadangkan. Banduan-banduan yang terpilih boleh membantu dalam pembinaan projek-projek kebajikan untuk Kementerian Kebajikan Masyarakat. Dalam hal ini, ianya tidak sahaja akan membantu Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi mengurangi kos pembinaan, tetapi juga akan membantu mengatasi atau mengurangkan kesesakan dalam penjara-penjara. Sebaik sahaja pelan-pelan dirangka, maka Kementerian Kebajikan Masyarakat boleh mengenalpasti projek-projek yang mana para banduan boleh diambil bertugas untuk membinanya dan Jabatan Penjara boleh berunding dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi menentukan siapakah banduan yang boleh ditugaskan untuk skim-skim ini.

Pada akhirnya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tentang peristiwa tawanan dua tebusan di Penjara Pudu . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, biarlah kita balik kepada tajuk itu, Penjara

Remand di Kajang, Selangor dan di Simpang Rengam, Johor.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, oleh sebab . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Secara detail, jangan terlalu luas.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya sebutkan di sini oleh sebab ini ada berkait dengan penjara remand.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak.

**Tuan Lee Lam Thye:** Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, oleh sebab saya hendak mengakhiri ucapan saya dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bukan sahaja untuk menjawab hujah-hujah yang telah disampaikan oleh saya, tetapi saya ingin juga meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk melaporkan kepada Dewan kita tentang apa yang telah berlaku mengenai tebusan ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Itu pun tidak boleh.

**Tuan Lee Lam Thye:** Itulah, Tuan Pengerusi, yang saya ingin menyampaikan dan saya harap bahawa pihak yang berkenaan boleh memberi jawapan. Sekian.

4.26 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang mengesyorkan cadangan-cadangan yang baik, terutamanya mengenai Konsep Penjara Terbuka yang saya percaya sedang dijalankan di Penjara Sungai Jelok di mana sebahagian besar peruntutannya untuk penjara itu.

Selain daripada konsep ini, saya percaya sistem penjara di Malaysia perlu dikaji semula kerana di Penjara Sungai

Jelok pun baru-baru ini ada 6 banduan yang menghilangkan diri, saya pun tak tahulah setakat manakah siasatan atau penangkapan mereka dapat dicapai sebab tidak ada berita pada akhir-akhir ini, mungkin hilang ke Thailand Selatan. Ini menunjukkan satu kelemahan juga di dalam latihan untuk kakitangan. Bukan sahaja bilangan kakitangan tak cukup, bahkan juga sistem latihan kerana boleh dianggarkan satu kecuaiian yang menyebabkan 4 banduan itu hilang diri daripada Penjara Sungai Jelok.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada bangkitkan sebahagian besar bilangan banduan yang ada di penjara Malaysia itu pendatang haram dan penagih dadah. Suka saya membangkitkan satu perkara di mana kadangkala untuk proses Jabatan Imigresen, sekurang-kurangnya 3 bulan untuk memproses supaya pendatang ini dapat dihantar balik ke negara asalnya. Jadi, ini tak patutlah.

Kesesakan yang ada sekarang itu bertambah lagi dengan pendatang haram ini. Satu kelemahan lagi untuk Kementerian Dalam Negeri yang patut diperbaiki untuk menyelesaikan masalah kesesakan penjara di negara ini. Bukan sahaja patut kita tambahkan di dalam Belanjawan masa depan untuk membina lebih banyak penjara, bahkan juga sistem latihan terpaksa diperbaiki.

Sekian, terima kasih.

4.29 ptg.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah):** Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil bahagian di dalam Maksud Bekalan 40, Jabatan Penjara, Butiran 2 dan Butiran 8, bagi Kertas Perintah 30.

Tuan Pengerusi, saya juga mengalu-alukan peruntukan yang disediakan, iaitu sebanyak \$2 juta ini untuk

membina Penjara Remand dan Tahanan Imigresen di Kajang, Selangor dan juga di Simpang Renggam, Johor.

Seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi, saya juga berpendapat bahawa oleh sebab kesesakan penjara-penjara kita pada hari ini, maka perlulah diadakan banyak lagi penjara-penjara remand dan tahanan ini untuk dibina di seluruh negara kita. Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya rasa orang-orang yang ditahan di bawah perintah remand ini yang belum lagi dibicarakan dan belum lagi dijatuhkan hukuman ke atas mereka itu tak patut ditahankan bersama-sama dengan banduan-banduan yang sedang menjalani hukuman.

Ini adalah perlu, Tuan Pengerusi, oleh sebab bagi seseorang yang belum lagi dihadapkan ke mahkamah, yang masih lagi dalam siasatan polis, yang belum lagi dihukum, kita belum lagi mengetahui sama ada mereka itu bersalah ataupun tidak dan sepatutnya mereka ditahan di tempat yang berasingan daripada penjara-penjara biasa seperti penjara-penjara remand.

Tuan Pengerusi, begitulah juga bagi orang-orang yang ditahan yang di bawah umur untuk menjaga supaya mereka ini tidak dipengaruhi dengan unsur-unsur yang tidak sihat daripada banduan-banduan yang lain perlulah mereka ini dipisahkan daripada banduan-banduan yang menjalankan hukuman.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan penjara remand dan tahanan imigresen di Kajang, Selangor dan juga di Simpang Renggam, Johor ini. Untuk menampung berapa orangkah penjara-penjara ini dibina dan juga saya ingin tahu apakah cara pembinaan yang akan

dilaksanakan kelak dan begitu juga kawasan yang dipilih untuk pembinaan penjara-penjara remand ini.

Saya dapati, Tuan Pengerusi, cara pembinaan penjara-penjara remand begitu juga kawasan yang dipilih itu adalah mustahak untuk diketahui oleh sebab yang pertamanya ialah berkenaan dengan masalah yang kita hadapi ialah masalah kemelesetan ekonomi dan kita perlulah menjalankan atau melaksanakan pembinaan bangunan-bangunan Kerajaan termasuk penjara ini dengan kos yang paling rendah seboleholehnya.

Misalnya, Tuan Pengerusi, di Alor Setar penjara remand dibina dengan tenaga banduan-banduan sendiri. Saya tidak tahulah sama ada ini adalah satu dasar Kerajaan untuk dilaksanakan pembinaan penjara-penjara remand ini di tempat-tempat yang lain. Saya juga ingin tahu, apakah dasar Kerajaan untuk memilih mana-mana kawasan untuk membina penjara-penjara remand ini. Adakah diberi pertimbangan bahawa kawasan-kawasan yang dipilih itu berjauhan dengan kawasan-kawasan perumahan ataupun dengan izin, tidak dibina di dalam kawasan-kawasan residential area.

Tuan Pengerusi, di samping itu, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan sejatapi di bawah Jabatan Penjara ini. Sungguhpun, Tuan Pengerusi, di dalam peruntukan Maksud . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, itu token sahaja. Tidak payahlah.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Ya, saya pohon izin untuk menyentuh sedikit sungguhpun token sahaja dalam perkara ini . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Baik. Kalau begitu, Tuan Pengerusi, saya menyokonglah di atas permohonan untuk mendapat peruntukan ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

4.34 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Pengerusi, pihak saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada wakil dari Bukit Bintang, wakil Kepong dan juga wakil Kuala Kedah yang telah menyokong di atas peruntukan tambahan ini.

Kita mesti sedar bahawa kedudukan atau tempat bagi banduan-banduan penjara kita sebenarnya mencukupi. Bagaimanapun disebabkan banduan-banduan yang bersangkutan-paut dengan kes dadah, iaitu penagih dan juga pengedar telah menyebabkan tempat-tempat yang mencukupi ini menjadi tidak cukup.

Kalau kita lihat pada hari ini ada 7,113 orang banduan yang terlibat dengan kes dadah. Jadi, ini merupakan satu bilangan yang besar iaitu hampir-hampir 30% atau 40% daripada banduan di seluruh negara dan 15% daripada banduan di seluruh negara adalah terdiri daripada orang-orang asing. Ini yang menyebabkan tempat yang cukup itu menjadi tidak cukup.

Tentang banduan remand yang ada 1,800 di Pudu dan lebih kurang 9,000 orang di seluruh negara, pihak Kementerian memang cuba seberapa daya untuk menyelesaikan kes-kes ini, tetapi oleh kerana kes lebih cepat mendatang daripada kebolehan dan kemampuan kita untuk menyelesaikannya. Ini masalah yang cukup banyak. Saya sendiri duduk di beberapa Kementerian dapat menyelesaikan tiap-tiap file . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Ya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, apakah terjadi dengan cadangan Yang Berhormat untuk menghantar balik banduan asing yang ada di negara ini supaya perbelanjaan itu dapat dikurangkan dan kesesakan dapat dikurangkan juga?

**Dato Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih. Kita dalam Kerajaan tak bolehlah kita bercakap hari ini, besok kita boleh buat. Kita kena buat kajian yang terperinci tentang hal ini sebelum tindakan kita lakukan. Kalau sekiranya pendatang haram itu ditangkap tidak melakukan apa-apa jenayah, kita boleh hantar balik, tetapi kalau pendatang haram itu kita dapati melakukan jenayah; takkan kita hendak hantar begitu sahaja. Kita kena kaji dahulu. Itu sebabnya memakan masa kadang-kadang tiga bulan kerana ada kes yang tertentu yang harus kita selesaikan sebelum kita hantar. Tetapi kalau kita tangkap tak ada apa kes jenayah, kita boleh hantar dalam masa 24 jam.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, itu perkara yang lain kerana saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah mencadangkan penjenayah atau banduan yang menjalankan hukuman di dalam negara ini dapat dihantar balik kepada negara-negara asal supaya mengurangkan kesesakan dan perbelanjaan di negara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, memang benar cadangan saya itu dan cadangan ini akan mengambil masa untuk kita membuat tindakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata

bahawa pendatang-pendatang haram yang ada kes mahu tunggu disiasat dan habis kes itu barulah dihantar mereka balik ke negara yang asal. Selalu oleh kerana mereka yang ada kes pun di dalam tahanan atau custody atau.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ini luar daripada apa yang dibincangkan—Bangunan-bangunan Penjara. Ini tak boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, itu bangkit daripada kesesakan, iaitu apa Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi baru sebut. Saya mahu tanya, oleh kerana bukan sahaja masalah mahu tunggu kes habis, tiga bulan, tetapi mungkin dua tahun. Oleh kerana mereka yang menunggu perbicaraan dua tahun, tiga tahun antara sebab masalah kesesakan dalam penjara bukan satu rancangan yang seluruh diadakan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Tanjong, kita akan cuba selesaikan masalah ini bersama.

Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang mencadangkan supaya peruntukan yang lebih dapat diberi kepada pihak Penjara. Tetapi ingin saya nyatakan di sini dan ini merangkumi apa yang telah dikatakan oleh Wakil dari Kuala Kedah tadi bahawa kalau kita lihat apalah wang \$2 juta untuk menyelesaikan masalah, terlalu sedikit.

Bagaimanapun, oleh kerana pihak Penjara cuba seberapa daya untuk mengurangkan perbelanjaan iaitu dengan cara menggunakan banduan-banduan dalam membina bangunan-bangunan penjara, misalnya di Kajang. Kalau kita lihat Ibu Pejabat Penjara Malaysia yang didirikan di Kajang mengikut penilaian JKR ialah \$10 juta, tetapi dengan menggunakan banduan

kita dapat membina ibu pejabat dengan hanya bernilai \$1.8 juta. Ini satu pengurangan perbelanjaan yang dapat kita selamatkan.

Tentang penjara terbuka ini, yang sebenarnya tiap-tiap hari ada lebih kurang 3,000 banduan menjalankan kerja-kerja di luar yang kita anggap sebagai penjara terbuka. Mungkin di pejabat-pejabat Kerajaan, mungkin di badan-badan swasta, mungkin juga menjalankan projek-projek amal dan kita mengadakan percubaan di mana 300 banduan dihantar ke Ladang Gula, Padang Terap dan selama kita hantar ke sana tidak ada seorang pun yang cuba hendak lari. Mungkin ada seorang yang cuba hendak lari, tetapi yang 299 orang itu tolong mencari sampai dapat.

Memang konsep penjara terbuka ini kalau dijalankan dengan baik memang boleh memberi manfaat kepada banduan-banduan ini.

Jadi sistem penjara ini sepertimana kata Wakil Kepong patut dikaji semula, memanglah hasrat kita untuk mengkaji semula dengan teliti apabila wujud perkara-perkara yang berlaku, tetapi saya hendak perbetulkan sedikit, Yang Berhormat kata tadi 6 orang lari daripada Kajang, lepas itu 4 pula; yang sebenarnya 5. Kita memanglah tidak berdiam diri, kita hendak cuba cari sampai dapat. Kita tidak boleh hendak lupa perkara ini, hendak lepaskan begitu sahaja. Jadi sekarang kami sedang menjalankan gerakburu terhadap pihak-pihak yang telah lari ini. Jadi tentang apa yang telah dibawa oleh Wakil dari Kuala Kedah tadi yang mana meminta supaya banduan remand itu ditempatkan berasingan, perkara ini akan dikaji apabila tempat-tempat di penjara sudah mencukupi tetapi pada hari ini nampaknya keadaan untuk bertindak sedemikian adalah sukar sekali. Saya berharap apabila Penjara Sungai Renggam siap

di mana boleh menampung 10,000 banduan, maka cadangan itu dapat kita laksanakan.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan menyokong peruntukan Maksud P.40 ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Dia sudah habis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 yang disebutkan dalam Maksud P.36 dan \$2,000,010 dalam Maksud P.40 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Dalam Negeri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P.36 dan \$2,000,010 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986.

*Maksud B. 46 (Jadual)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.46 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

*4.44 ptg.*

**Tuan Hu Sepang (Rasah):** Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh cuma satu perkara sahaja dalam hal yang kita bahaskan sekarang iaitu di bawah Maksud . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kertas Perintah nombor berapa?

**Tuan Hu Sepang:** Kertas Perintah 28 Tahun 1986, muka 6—ini untuk kemudahan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Terima kasih.

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih. Maksud B.46, Jabatan Penerangan dan dari Kertas Perintah 29 tahun ini juga, muka 4 di bawah Kepala yang sama, kita dapati tambahan sebanyak \$5.2 juta ini adalah dikehendaki untuk menambah peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan serta Pemilikan Harta Modal kepada Jabatan Penerangan.

Saya rasa satu peruntukan tambahan sebanyak \$5.2 juta ini adalah satu tambahan yang besar. Jadi saya ingin tahu dari pihak Kerajaan, apakah maksud memperolehi tambahan wang sebanyak ini sebab menurut Memorandum yang kita ada iaitu Kertas Perintah 29, bukti-buktinya adalah kurang jelas, apa itu Perkhidmatan dan Bekalan, apa itu Pemilikan Harta Modal.

Saya menimbulkan soalan ini sebab saya memerhatikan sebelum pilihanraya umum yang baru diadakan pada 3hb Ogos tahun ini, Jabatan Penerangan memasang beratus-ratus keping papan tanda di seluruh negara yang mana ditunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbual-bual dengan seorang budak. Papan tanda ini ada bermacam-macam ukuran, yang besar sekali adalah dipamerkan ataupun ditunjukkan di atas Bukit Angkasapuri dan di mana-mana kita terpaksa menyaksikan papan tanda ini seperti di sebelah jalan, ataupun di bulatan lalulintas, di mana-mana kita buka mata mesti dapat tengok papan tanda ini dan saya adalah berasa cukup aneh mengapa dalam papantanda ini ada satu cogankata yang berbunyi seperti ini, Tuan Pengerusi: "Kami yakin masa depan anda adalah cerah." Jadi apakah

maksudnya, saya ingin hendak tahu, apakah tujuan Jabatan Penerangan memasang ataupun menunjukkan papan tanda ini dengan cara besar-besaran? Adakah ini untuk maksud pilihanraya sebab akhirnya papan tanda ini jadi bahan ketawa sehingga di kalangan rakyat beberapa soalan telah ditimbulkan.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Wakil dari Rasah, adakah beliau benci melihat wajah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita?

**Tuan Hu Sepang:** Tidak, mukanya boleh tahan juga! (*Ketawa*). Saya cuma mahu tahu, Tuan Pengerusi, sebab kita sekarang membahaskan dan membincangkan perbelanjaan wang sebab kita mesti sedar bahawa negara kita sekarang mengalami satu keadaan ekonomi yang cukup teruk oleh kerana itu setiap sen kita belanjakan mestilah dibelanja dengan teliti. Oleh kerana itu tadi saya kata papan tanda ini sudah jadi bahan ketawa di kalangan rakyat sehingga beberapa soalan telah timbul. Soalan seperti "Siapakah budak itu, apakah perhubungannya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?"—soalan seperti ini kalau tok budak itu adalah Perdana Menteri, memang masa depannya adalah cerah (*Tepuk*). Saya mencerminkan fikiran, pandangan dari kalangan rakyat, Tuan Pengerusi. Jadi akhirnya oleh kerana mungkin Jabatan Penerangan sedar bahawa sambutan terhadap papan tanda ini adalah kurang baik, kurang memuaskan sehingga sekarang pihak tertentu semua menurunkan papan tanda ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, minta jalan. Apakah Yang Berhormat yang sedang bercakap sekarang ini sedar bahawa papan tanda yang telah diletakkan baru-baru ini sebagai satu perkara contoh, sebagai satu perkara yang hendak diuji. Sebab

itu kita lihat tidak banyak papan tanda itu diletakkan di seluruh Malaysia dan program tersebut tidak jadi dilaksanakan. Jadi saya harap Yang Berhormat yang bercakap ini, supaya jangan mengeksploitasikan perkara-perkara yang bukan-bukan dengan tujuan untuk merosak dan memburukkan imej Kementerian yang berkenaan.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat yang mengatakan tadi kurang nampak, mungkin dia kurang berjalan di seluruh negara. Seperti kita, kita selalu berjalan melawat mengunjungi seluruh tanahair kita ini, mana-mana kita pergi pun kita nampak. Ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin hendak tahu apa telah terjadi kepada papan tanda ini? Di mana sekarang? Semua hilang, macam silap mata. Sampai di Angkasapuri yang terbesar sekalipun hilang, tinggal satu papan kosong sahaja. Saya ingin tahu berapakah wang telah dibelanjakan dalam urusan membuat papantanda ini? Adakah perbelanjaan yang terlibat dengan papan tanda ini termasuk dalam tambahan sebanyak \$5.2 juta ini. Sebab jika jawapannya ia atau jawapannya ada positif, saya berasa amat sedih, boleh dikatakan berasa amat kecewa kepada pegawai-pegawai ataupun kepada Jabatan Penerangan ini yang tidak begitu bertanggungjawab membazirkan wang negara dengan sewenang-wenangnya.

Saya memang sedar Jabatan Penerangan memerlukan wang untuk memberikan satu perkhidmatan baik kepada rakyat Malaysia dan saya memuji kepada Jabatan itu memberikan peringatan kepada rakyat apabila ada sesuatu perkara timbul, seperti baru-baru ini bila penyakit AIDS menjadi satu ancaman, menakutkan orang ramai, Jabatan Penerangan ada memberi peringatan

ataupun publisiti terhadap ancaman AIDS ini dan juga lain-lain contoh seperti demam denggi, banjir . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, tolong ringkaskan.

**Tuan Hu Sepang:** Ya. Ini merupakan satu Jabatan yang amat menarik dan wang tambahan terlalu besar, oleh sebab itu perlu lebih penjelasan. Boleh sambung lagi?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau sudah habis, sudahlah.

**Tuan Hu Sepang:** Belum habis lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ringkaskan.

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Oleh kerana itu saya harap di masa depan Jabatan Penerangan akan menggunakan wang yang diperuntukkan kepada Jabatan itu dengan sebaik-baiknya. Janganlah menjadi alat propaganda Barisan Nasional apabila setiap kali pilihanraya umum berhampir. Dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

4.50 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, lanjutan daripada ucapan Yang Berhormat dari Rasah . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah lanjut. Dia sudah bercakap panjang lebar tadi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Lanjutan daripada itu, kerana mengikut Kertas Perintah 28, sebanyak \$1,486,400 digunakan untuk perkhidmatan dan bekalan sementara \$333,400 pula digunakan untuk pemilikan harta modal di bawah perkhidmatan luar sivik dan masyarakat. Apakah jenis

perkhidmatan luar sivik dan masyarakat yang telah diberi oleh Jabatan Penerangan ini dengan pertambahan wang yang begitu banyak? Bilakah jenis perkhidmatan ini telah dijalankan? Bagaimanakah rakyat jelata telah menerima faedah daripada pertambahan peruntukan ini? Kami di sini khuatir iaitu perkhidmatan seperti ini digunakan untuk maksud pilihanraya umum sahaja, untuk memihak sebelah.

Tuan Pengerusi, Jabatan Penerangan juga telah memperuntukkan \$2,555,900 bagi Bahagian Penerbitan. Apakah dan mengapakah bahan-bahan penerbitan ini telah dicetak dan bilakah bahan-bahan penerbitan ini diterbitkan dan bilakah ianya disebar dan untuk maksud apa? Kepada siapakah di dalam atau di luar pentadbiran Kerajaan bahan-bahan penerbitan itu disebar dan bagaimanakah bahan-bahan ini dapat menguntungkan rakyat jelata? Sebanyak \$841,300 juga telah dibelanjakan untuk pengeluaran visual. Pengeluaran visual apakah? Kalau visual ini digunakan, saya nampak Yang Berhormat dari Pasir Mas pun tidak tahu. Apakah jenis harta modal yang telah dibeli dengan peruntukan ini dan bagaimanakah ianya dapat menolong melicinkan penyebaran penerangan kepada pihak awam dan saya berharap wang-wang yang telah dibelanjakan ini tidak digunakan untuk berat sebelah di dalam pilihanraya yang telah lalu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kuantan.

4.27 ptg.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan):** Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk menyertai sama dalam perbahasan ini. Saya rasa Yang

Berhormat daripada Rasah nampaknya menggunakan kesempatan ini . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan. Kertas Perintah berapa?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Maaf. Saya rujuk kepada Kertas Perintah 28, Maksud B.46 dan Kertas Perintah 29, Maksud B.46 juga, Butiran 2, 4 dan 5 sekali gus iaitu dalam Kertas Perintah 28. Bolehkah saya teruskan, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Pengerusi, saya percaya saudara kita Yang Berhormat dari Rasah menggunakan peluang dalam perbahasan beliau memperkata dan mempertikaikan tentang bukan sahaja soal poster itu tetapi juga, saya rasa, ingin menjejaskan imej Perdana Menteri. Tetapi saya rasa yang paling pokok di sini ialah kita mengiktiraf poster itu mencerminkan ketua eksekutif negara kita, iaitu Perdana Menteri, dan bukan merupakan satu personality cult, dengan izin. Pada keseluruhannya, saya faham poster itu merupakan satu lambang, lambang yang dimaksudkan untuk membawa pengertian bahawa negara ini mempunyai masa depan yang baik bagi generasi yang akan datang. Kalau kita menyelewengkan sedikit daripada maksud seperti itu, saya rasa kita membuat sesuatu yang tidak begitu adil kepada ketua eksekutif negara kita.

Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini bukan sahaja ianya unik kepada negara kita, tetapi semua negara-negara di dalam dunia ini mempunyai perkhidmatan penerangan dan semua perkhidmatan penerangan itu, terutama di sisi pandangan pihak Pembangkang merupakan dakyah atau propaganda semata-mata. Soal

penerangan bukan sahaja untuk negara Malaysia yang terkenal sebagai negara bukan komunis atau demokratik, tetapi juga untuk negara-negara komunis. Itu satu, Tuan Pengerusi.

Jadi, dalam kita memperkatakan peruntukan yang disebutkan di dalam Kertas-kertas Perintah ini, kita faham bahawa jumlah yang dimaksudkan itu agak banyak, bagaimanapun saya rasa sekiranya jumlah itu diminta lebih banyak lagi, saya rasa itu pun adil, kerana maklumlah walaupun dalam keadaan ekonomi meleset, hidup ini bukan sahaja untuk makan tetapi juga untuk meningkatkan semangat, untuk memberikan harapan dan juga untuk memberi maklumat-maklumat yang baik, yang sesuai dan relevant, dengan izin, kepada rakyat, kepada masyarakat, bukan sahaja bagi kepentingan orang-orang yang menyokong parti-parti Kerajaan tetapi juga bagi mereka yang menyokong parti-parti yang bukan Kerajaan. Jadi semuanya ini saya rasa untuk memberi satu enlightenment, dengan izin, kepada seluruh rakyat. Jadi, dengan ringkasnya saya menyokong peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

5.07 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rasah, Kepong dan Kuantan khususnya Yang Berhormat dari Kuantan yang telah membantu saya untuk memberi jawapan kepada Yang Berhormat dari Rasah dan Kepong.

Sukacita saya maklumkan di sini bahawa peruntukan sebanyak \$5.2 juta

yang dikehendaki adalah Perbelanjaan Mengurus untuk Jabatan Penerangan iaitu:

(i) *Bahagian Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat*

seperti sewa filem cerika untuk Unit Bergerak Jabatan Penerangan; membuat salinan filem-filem dokumentasi sebanyak 126 tajuk; pembelian pita keset dan lain-lain; capital equipment—membeli 5 buah kereta land-rover, overhead projector, speaker dan lain-lain bahagian berjumlah \$1.8 juta.

(ii) *Bahagian Penerbitan*

Mencetak buku-buku kecil mengenai dasar-dasar Kerajaan, membiayai kos menterjemah teks-teks, dokumen dan sebagainya berjumlah \$2.5 juta.

(iii) *Bahagian Pengeluaran Visual*

Seperti poster, slides, negatif filem, kamera dan sebagainya yang berjumlah lebih \$841,000.

Tuan Pengerusi, Kerajaan mengadakan banyak bentuk kempen ke arah memajukan rakyat dan menarik perhatian rakyat dan menggesa rakyat ke arah bekerja keras bagi membina negara Malaysia ini. Dan mewujudkan papan tanda sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Rasah tadi adalah merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan ke arah meningkatkan kesedaran rakyat dan menarik perhatian rakyat ke arah membina negara Malaysia yang sama-sama kita cintai ini. Mungkin yang dirasakan sangat oleh Yang Berhormat dari Rasah tadi ialah mengenai gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu sahaja yang beliau terkilan kerana beliau tidak sebulu dengan Kerajaan Barisan Nasional ini dan dengan kerana itu gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita

kasihinya itu dijadikannya bahan ketawa oleh golongan-golongan yang tidak senang hati dengan kejayaan negara ini, kerana itulah, Tuan Pengerusi, rakyat menolak . . . .

**Tuan Hu Sepang:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun, dia minta penjelasan.

**Tuan Hu Sepang:** Penjelasan, Tuan Pengerusi. Bukan golongan-golongan DAP ketawa sahaja tetapi seluruh rakyat Malaysia ketawa. Ini penjelasan.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Kalaulah seluruh rakyat Malaysia ketawa dia ketawa gembira atas kemenangan Barisan Nasional (*Tepuk*) tidak sebagaimana DAP yang ketawa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan kenapa kempen ini untuk kemajuan dan kesejahteraan rakyat Malaysia, kempen ini dengan papan tanda menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan seorang budak dengan cogan kata, "masa depan anda cerah" diberhentikan dan papan-papan tanda ini dibuang. Adakah benar papan tanda ini dibuang atas nasihat satu syarikat atau firma Satchi & Satchi yang ada hubungan dengan Zionist (*Tepuk*). Adakah pembuangan kempen ini lagi satu komplot Zionist terhadap kepentingan negara ini (*Tepuk*) dan adakah pembuangan papan tanda ini menunjukkan bahawa Kerajaan sudah sedar bahawa masa depan negara ini tidak cerah. (*Tepuk*)

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu adalah merupakan satu fitnah yang besar. Penurunan papan tanda itu adalah merupakan satu perkara biasa, kerana papan-papan tanda dan poster

yang dipasang dan dinaikkan di mana-mana, perubahannya adalah berlaku dari satu masa ke satu masa mengikut penyesuaian yang kita fikir munasabah dan sesuai. Dan baru-baru ini gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan anak itu mengikut pandangan Kementerian Penerangan adalah sesuai pada waktu itu. Tuan Pengerusi . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, hendak teruskan atau beri jalan?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tahu ah, cukup susah. (*Ketawa*) Mahu beri?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Cukuplah itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu mengapa Jabatan Penerangan menjalankan kempen kilat ini dan adakah dimasa lampau Jabatan atau Kementerian berkenaan pernah menjalankan kempen yang berkilat ini. Masa yang begitu pendek sudah turun dan mengapa menerusi nasihat Satchi & Satchi yang ada connection dengan Zionist.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya ingat sudahlah perkara ini. Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan sudah—jawab. "Jawab" baru sudah, "tidak jawab", tidak sudah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Sebenarnya tidak timbul masalah kempen kilat sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Pengerusi, pada hemat saya apa yang dimohon oleh Kementerian ini sebanyak \$5.2 juta dan telah pun dibelanjakan dan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian ini adalah amat munasabah sekali dan amat berpatutan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, dia belum jawab—Satchi & Satchi. Benar atau tidak benar atau dia lari!

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sudahlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak jawab pun satu jawapan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Okay, sudah Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$5,217,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,217,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual. (*Tepuk*).

*Maksud P.48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.48 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,000,000 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986.

*Maksud B.56 (Jadual)—*

*Maksud P.51 dan P.54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kepala Bekalan B. 56 dan Kepala Pembangunan P. 51 dan P. 54 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

*5.11 ptg.*

**Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):** Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian di dalam perbincangan berkenaan dengan Maksud P.51, Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Kertas Perintah berapa?

**Tuan Lau Dak Kee :** Kertas Perintah 31.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat?

**Tuan Lau Dak Kee:** Muka surat 4.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila teruskan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Ada dinyatakan di sini bahawa sebanyak \$490 juta adalah dikehendaki oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membiayai projek-projek yang sedang dalam pembinaan.

Tuan Pengerusi, Lembaga Lebuhraya Malaysia telah menjalankan projek-projek untuk membina lebuhraya di seluruh Malaysia dan dalam pengetahuan saya di negeri Perak satu lebuhraya telah dibina dari bandar Ipoh sampai

Cangkat Jong dan sampai juga ke Kuala Kangsar di mana saya dapati apabila kerja-kerja pembinaan lebuhraya itu dijalankan nampaknya akta-akta atau . . . . .

**Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . . .

**Dato Dr Ling Liong Sik:** Bab yang dibahaskan adalah di bawah Kementerian Pengangkutan, tetapi saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah terlalu cepat. Sekarang dibahaskan Kementerian Kerjaraya.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, ini pun adalah terlibat dalam Kementerian Pengangkutan oleh kerana Lembaga Lebuhraya itu mungkin bina lebuhraya tetapi . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Lembaga Lebuhraya dalam Kementerian Kerjaraya, bukan?

**Tuan Lau Dak Kee:** Ada berkaitan dengan dua Kementerian itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak di bawah Kementerian Pengangkutan, Yang Berhormat. Sentuh perkara yang lain.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, kalau itu tidak boleh dibahaskan, saya hendak mengambil kesempatan ini untuk membahaskan \$3.8 juta yang dikehendaki oleh pentadbiran Keretapi Tanah Melayu untuk membiayai pembinaan rumah dan lain-lain kemudahan bagi penempatan semula setinggan-setinggan yang diduduki di tanah rizab Keretapi Tanah Melayu di Kelana Jaya (Sungai Way). Ini ada berkaitan dengan Menteri yang berkenaan juga, betul atau tidak? (*Ketawa*).

**Beberapa Orang Ahli: Betul!**

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau tidak betul, dia akan berdiri.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, nampaknya \$3.8 juta untuk menempatkan semula bagi setinggan-setinggan yang terletak di tepi jalan keretapi bukan hanya di Kelana Jaya sahaja tetapi di seluruh Malaysia. Kita mendapat juga ramai setinggan yang diletak berhampiran keretapi di negara ini. Tuan Pengerusi, \$3.8 juta ini saya fikir tidak mencukupi khasnya untuk penduduk-penduduk yang tinggal di tepi jalan keretapi dan mereka adalah satu bilangan yang besar di mana mereka pun adalah daripada golongan yang berpendapatan rendah. Mungkin golongan yang tertindas, Tuan Pengerusi. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya bercadang Kerajaan patut memperuntukkan lebih daripada \$3.8 juta dan saya mencadangkan \$10 juta diberi kepada projek pemindahan setinggan-setinggan yang berada berhampiran jalan keretapi itu.

(*Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, nampaknya juga jikalau Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Pengangkutan baru sedar perkara-perkara seperti setinggan-setinggan berhampiran dengan jalan kertapi dan memberi pertimbangan bagi penempatan semula mereka, mungkin inilah satu, dengan izin, weakness daripada Kementerian. Oleh kerana sampailah masa Kementerian mengambil berat terhadap setinggan yang pendapatan rendah diletak di tepi jalan keretapi.

Tuan Pengerusi, di sini juga didapati \$1.5 juta bagi Jabatan Penerbangan Awam untuk membiayai pembinaan landasan terbang dan kemudahan jeti

di Taman Negara sebagai kemudahan pelancongan. Tuan Pengerusi, saya ingin tahu sama ada \$1.5 juta untuk membina landasan terbang itu adakah mencukupi atau tidak. Jikalau mencukupi, saya minta Menteri yang berkenaan itu jangan membangkitkan perkara ini pada masa hadapan dan mengatakan \$1.5 juta itu tidak mencukupi dan minta anggaran tambahan. Jikalau Menteri yang berkenaan itu teah mengkaji dan semak dengan telitinya atas projek yang di bawah Kementeriannya saya harap Menteri yang berkenaan itu dapat menjawab apa yang saya sentuh itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

*5.07 ptg.*

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini di atas Kertas Perintah 31 berkenaan Maksud P.51 dan P.54.

Berhubung dengan \$3.8 juta yang dikehendaki oleh pentadbiran Keretapi Tanah Melayu untuk membiayai pemindahan rumah-rumah dan lain-lain kemudahan bagi penempatan semula setinggian yang menduduki tanah rizab Keretapi Tanah Melayu, saya ingin bertanya sedikit berkenaan peruntukan yang telah diminta ini. Kita mengucapkan terima kasih di atas usaha pihak Kerajaan membantu pihak-pihak yang miskin. Oleh itu saya bertanya di manakah penempatan ini diadakan kepada penduduk-penduduk di sini? Di kawasan saya sendiri pun, di Lembah Pantai, banyak setinggian-setinggian yang menduduki di rizab keretapi ini dan mereka duduk begitu lama.

Buat masa ini pihak Keretapi, rasa saya tidak mencukupi wang untuk

membiayai sebagaimana yang diharapkan penempatan setinggian di Kelana Jaya kerana kemungkinan tempat ini dikehendaki oleh pihak Jabatan Pengangkutan dan juga Keretapi. Tetapi saya mengharapkan di kawasan-kawasan yang lain pihak Keretapi Tanah Melayu memberi kemudahan-kemudahan sedikit kepada mereka yang duduk supaya dibenarkan mereka ini meminta bekalan air dan elektrik juga kerana apabila kita selalu meminta kepada pihak Dewan Bandaraya, Kementerian Wilayah Persekutuan, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya tidak mahu membenarkan kerana pihak Keretapi mesti mendapat kebenaran terlebih awal dahulu. Oleh itu dalam masalah ini saya mengharapkan kepada Kementerian ini supaya dapat meluluskan di masa-masa akan datang, buat sementara waktu kemudahan-kemudahan ini dapat diperuntukkan kepada tempat-tempat yang tersebut.

Yang kedua ialah mengenai Jabatan Penerbangan Awam membiayai pembinaan landasan terbang dan kemudahan jeti di Taman Negara sebagai kemudahan pelancongan yang berjumlah \$1.5 juta. Dari apa yang dapat saya tahu dan telah pun melihat di dalam peti televisyen yang mana penerbangan telah pun dijalankan di lapangan terbang tersebut, saya hendak bertanya di sini sejauh manakah sambutan daripada pelancong-pelancong dengan kemudahan landasan terbang yang sedia ada ini? Berapakah jumlah pelancong-pelancong yang datang? Di samping itu juga saya mengharapkan supaya pelancong-pelancong datang ke negara Malaysia ini dengan lebih banyak lagi, landasan yang seumpama ini dapat diadakan umpamanya di Cameron Highlands ataupun di pulau-pulau yang lain termasuk juga di Fraser's Hill dan sebagainya, kerana memandangkan landasan yang dibina ini tidak

memakan belanja yang begitu banyak, kemungkinan dengan adanya landasan-landasan kapal terbang seumpama ini dapat membawa lebih ramai pelancong lagi dari luar negeri untuk menikmati keindahan alam di negara kita ini. Oleh itu dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas peruntukan yang telah diminta bagi tambahan yang dipohonkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

5.23 ptg.

**Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tarima kasih di atas pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

Sebenarnya setingan-setingan yang ada di sebelah tanah rezab keretapi di Sungai Way telah ditempatkan di atas lot 3207 di Mukim Petaling.

Tuan Pengerusi, masalah setingan adalah satu masalah yang rumit dan tidak boleh diselesaikan di dalam masa yang singkat. Apa yang telah dibuat atau apa yang telah dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan atau KTM adalah untuk menyelesaikan masalah setingan ini secara berperingkat-peringkat dan apa yang terpaksa didapati adalah kerjasama daripada Kerajaan Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun di atas cadangan iaitu kemudahan-kemudahan asas diberi kepada setingan-setingan yang akan membuat permohonan, saya ingin memberi penjelasan di sini iaitu cadangan itu akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Mengenai sambutan pelancongan kepada landasan kapal terbang di Taman Negara itu sekarang ini, Tuan

Pengerusi, landasan kapal terbang ini telah siap dibina dan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji jangan bimbang oleh kerana ia telah siap dibina dan Kementerian tidak akan memerlukan tambahan kewangan untuk menyiapkannya. Sambutan pada ketika ini tidak begitu baik oleh kerana Perbadanan Kemajuan Pelancongan (Malaysia) (TDC) dan juga Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sedang menjualkan atau memarketkan kemudahan yang ada di sini.

Tuan Pengerusi, landasan kapal terbang ini adalah satu kemudahan yang perlu sangat oleh kerana Taman Negara adalah satu Taman yang elok sekali di mana Taman ini melindungi binatang-binatang dan juga tumbuh-tumbuhan liar di dalam keadaan yang natural. Ini adalah satu langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelancong khasnya pelancong-pelancong yang berhasrat untuk melawati tempat-tempat yang natural seperti ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,890,800 untuk Maksud B.56 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,890,800 untuk Maksud B.56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$3,800,000 yang disebutkan dalam Maksud P.51 dan \$1,500,000 dalam Maksud P.54 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,800,000 untuk Maksud P.51 dan \$1,500,000 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb) (Bil. 1) 1986.

*Maksud P.61 (Anggaran Pembangunan)(Tamb.) (Bil. 1) 1986—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.61 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas.

5.28 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.61—Kementerian Kerja Raya, Butiran 23, Kertas Perintah 30 dan juga Kertas Perintah 31 tahun 1986 dibawah perenggan 4.1.4.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan \$490 juta yang diperlukan oleh Kementerian Pengangkutan ini bagi tujuan diberi kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan butir-butir yang terperinci berhubung dengan peruntukan tambahan ini, oleh kerana mengikut Kertas Perintah ini adalah bertujuan untuk membiayai projek-projek yang sedang dalam pembinaan. Adakah peruntukan ini diperlukan semata-mata untuk membiayai projek-projek yang diberi tender secara negotiated, dengan izin, ataupun tender terbuka sehinggakan terpaksa kita memberi peruntukan tambahan bagi membiayai pembinaan jalan-jalan yang dimaksudkan di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia?

Tuan Pengerusi, di samping itu juga sukalah kita menarik perhatian bersabit dengan pembinaan lebuhraya yang sedang rancak dijalankan di negara kita sekarang ini. Kita telah mendengar beberapa kali jaminan

daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, bahawa sebelum sesuatu pembinaan jalan dilakukan terutama lebuhraya dilaksanakan, kajian terperinci telah dibuat. Tetapi kadangkala, akhirnya berlaku di mana seperti contohnya Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, sesudah siap pembinaan, banyak kerosakan berlaku, bukan sahaja timbul kesusahan kepada para pengguna tetapi juga menambah beban kepada peruntukan kewangan negara.

Jadi jaminan-jaminan seperti ini seharusnya tidak berlaku kerap kali terutamanya di bawah Kementerian Kerja Raya iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia, sebab perbelanjaan yang diperuntukkan sebanyak \$498 juta yang kita maksudkan ini adalah satu peruntukan yang tersangat besar, pada pandangan saya. Oleh itu saya mengulangi sekali lagi, supaya apa yang diperlukan dan diminta supaya butir-butir terperinci berhubung dengan \$490 juta yang diperlukan dapat dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

5.32 ptg.

**Tuan P. Patto (Ipoh):** Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk mengambil bahagian atas perkara di hadapan kita dan saya rujuk kepada Maksud P.61, Butiran 23, perkara (1) dan (2) serentak.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat, Kertas Perintah berapa itu?

**Tuan P. Patto:** 30 dan juga saya merujuk kepada Memorandum Kertas Perintah 31.

Tuan Pengerusi, wang sebanyak \$490 juta yang telah dibelanjakan oleh

Kementerian berkenaan dan yang diminta untuk diluluskan hari ini merupakan satu peruntukan yang lebih daripada 50% daripada jumlah peruntukan yang terdapat di dalam Kertas Perintah 30 di mana jumlah itu agak banyak. Walaupun perbelanjaan ini telah dilakukan, harus saya menimbulkan beberapa perkara berkaitan dengan perbelanjaan \$490 juta ini.

Yang pertama, seperti mana Ahli Yang Berhormat tadi berucap tentang mutu jalan raya atau mutu lebuhraya yang sedang dalam pembinaan, kalau kita kaji dan meneliti lebuhraya-lebuhraya yang telah dibina pada masa yang lampau umpamanya sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi di antara Kuala Lumpur-Rawang, di antara Kuala Lumpur-Karak, di antara Kuala Lumpur-Seremban, kita sungguh kesal kerana selepas Yang Berhormat Menteri dan Kementerian berkenaan meminta Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan bagi maksud membina lebuhraya dan selepas ianya diluluskan, hasil daripada perbelanjaan itu ialah lebuhraya-lebuhraya sepertimana yang kita dapati di antara Kuala Lumpur-Seremban, Kuala Lumpur-Karak, Kuala Lumpur-Rawang.

Jadi saya kuarir dan rasa bimbang bahawa \$490 juta ini juga akan diguna untuk menjadi seperti lebuhraya-lebuhraya yang kita dapat lihat hari ini di antara Kuala Lumpur-Karak, Kuala Lumpur-Seremban, Kuala Lumpur-Rawang di mana tidak mendapat satu hasil yang boleh kita rasa bangga oleh kerana selepas pembinaan lebuhraya itu selama lebih kurang 5-7 tahun terdapat runtuh. Jalan itu tiba-tiba runtuh di sana sini. Walaupun Yang Berhormat Menteri berkenaan mungkin akan mempersalahkan lori-lori, drebar lori dan sebagainya, saya rasa mungkin alasan itu sudah tak begitu tepat oleh kerana kita dengar

baru sebentar tadi dan beberapa hari dahulu, kawan baik beliau adalah drebar-drebar lori. Mungkin ada sebab-sebab yang lain, apakah sebabnya keruntuhan jalan-jalan itu boleh berlaku dan apakah jaminan Yang Berhormat Menteri itu boleh memberi dalam Dewan ini bahawa lebuhraya-lebuhraya yang sedang dalam pembinaan di mana \$490 juta ini sudah pun habis ditelan, benar-benar bermutu dan tidak akan jadi seperti mana yang berlaku dalam kes-kes jalan di antara Kuala Lumpur-Seremban, Kuala Lumpur-Karak dan apa yang sedang kita lihat sekarang di antara Kuala Lumpur-Rawang. Itu yang saya ingin tahu.

Perkara yang kedua, kebanyakan kerja-kerja kontrak pembinaan lebuhraya ini diberikan kepada pihak swasta, dengan izin, *Hala Construction* dan beberapa syarikat yang lain. Saya ingin mendapat tahu apakah pihak Kementerian berkenaan dapat mengawasi kerja-kerja yang dijalankan oleh mereka ini adalah kerja-kerja yang boleh dikatakan mutunya tinggi dan apakah pihak Kementerian mempunyai keupayaan untuk mengawasi kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor-kontraktor luar negeri seperti yang saya sebutkan, *Hala Construction*, sebuah syarikat Korea?

Di samping itu wang yang diberikan yakni sebanyak \$490 juta itu yang diberikan untuk projek pembinaan lebuhraya adalah juga termasuk gaji-gaji. Itulah jumlah yang diberi kepada kontraktor dan kontraktor menggunakan wang itu untuk membayar gaji dan sebagainya kepada pekerja-pekerja tempatan kita. Saya dapat tahu dan saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan setakat manakah tenaga kerja tempatan kita digunakan dalam projek-projek ini sama ada rakyat negara ini yang berkelulusan, yang berkekeluargaan dan yang mampu

menjalankan kerja itu diberi kerja ataupun telah diketepikan oleh syarikat-syarikat ini dan diberikan kepada orang-orang yang diimport untuk menjalankan kerja itu, oleh syarikat itu. Itu yang saya minta daripada Yang Berhormat Menteri dan bersangkutan paut dengan ini sama ada pekerja kita yang bekerja di dalam kontrak-kontrak itu menerima gaji yang berpatutan.

Saya ingin juga dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada selepas menjalankan rancangan awal, siasatan awal dan sebagainya dan selepas membuat keputusan bahawa lebuhraya ini dari sini ke sini perlu dibuat, adakah pihak Kementerian sedar bahawa satu lagi masalah besar yang timbul dalam pembinaan lebuhraya ini ialah satu fasa pembinaan yang sedang berlaku iaitu Changkat Jong melalui Jelapang, Ipoh ke Selatan terdapat banjir sering berlaku di kawasan-kawasan di kedua belah Sungai Pari, di mana kerja-kerja menolak tanah, memecah batu dan sebagainya berlaku dalam projek lebuhraya ini. Dan oleh kerana tidak ada pengawasan ataupun oleh kerana pengawasannya kurang, maka terdapat batu yang ditolak ke dalam sungai dengan sengaja ataupun tidak dan juga didapati pasir, tanah dan sebagainya dibuang semua ke dalam sungai dan akhirnya penduduk-penduduk yang tinggal di kedua-dua tebing sungai itu menjadi mangsa banjir dan apabila ditanyakan sebabnya, Jabatan Parit dan Taliair (JPT) kata, JPT tak boleh dipersalahkan, ini adalah kesalahan JKR.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan sama ada JPT atau JKR bertanggungjawab, kalau JPT bersalah, kita minta JPT untuk buat kerja, untuk menjamin keselamatan penduduk-penduduk di tebing Sungai Pari dan kalau JKR yang bertanggungjawab, saya berharap

Yang Berhormat Menteri boleh ambil tindakan sewajarnya demi kepentingan penduduk-penduduk di kedua belah tebing Sungai Pari.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

*5.40 ptg.*

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Pengerusi, saya bangun sekali lagi menyentuh Kertas-kertas Perintah 30,31, P.16 di muka 4, dan di bawah para 4.1.4 di bawah Kementerian Kerjaraya iaitu di bawah subsektor Pengangkutan sebanyak \$490 juta adalah dikehendaki oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membiayai projek-projek yang sedang dalam pembinaan.

Bagi saya terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah memberi kemudahan kepada negara kita untuk mengadakan jalan raya yang begitu elok dan yang lain-lainnya. Dan masalah membina jalan-jalan ini, kemungkinan ada juga masalah-masalah yang ditimbulkan oleh rakyat. Saya ingin hendak bertanya oleh kerana banyak sangat lebuhraya-lebuhraya ini telah dibina disamping itu juga banyak lebuhraya-lebuhraya ini didirikan plaza tol yang mana saya rasa ini juga akan menyusahkan kepada rakyat. Umpamanya, daripada Kuala Lumpur hingga ke Seremban, tiap-tiap simpang daripada sini kita akan jumpa satu plaza tol yang begitu besar di sempadan Wilayah dan Selangor. Selepas itu bila hendak masuk ke Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, saya rasa kena lagi satu, bila hendak masuk di Kajang, lena lagi satu tol, sama ada keluar ataupun balik. Kalau kita pergi ke Bangi (Universiti) ada lagi satu tol di sana dan kalau kita terus ke Nilai, ada lagi satu tol pergi dan balik dan seterusnya banyak lagi plaza-plaza tol ini yang telah dibina.

Di sini saya ingin bertanya, dengan adanya plaza-plaza yang seumpamanya ini, adakah pihak Kerajaan ataupun pihak lebuhraya mendapat keuntungan nanti.

Saya lihat keadaan bangunan-bangunannya begitu indah dan cantik, sedangkan saya rasa untuk mengutip wangnya kembali untuk membayar, menampung semula, amatlah sukar untuk didapati. Sungguhpun kita berkehendakkan wang yang banyak untuk membiayai dan menampung semula, tetapi di dalam masalah ini saya rasa di tempat-tempat kecil, umpamanya mereka yang pergi ke Universiti Kebangsaan, Bangi masuk ke Kajang, orang-orang ini adalah orang-orang kampung di sekitarnya yang akan masuk. Memadailah mereka ini membayar tol di lebuhraya-lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur. Ianya sudah cukup, tidaklah dipasang di mana-mana. Sungguhpun saya lihat plaza-plaza itu telah pun sedia ada, jalan-jalan pun begitu lama sudah siap, tetapi plaza itu masih lagi terbengkalai begitu sahaja. Saya ingin bertanya pihak Kementerian ataupun pihak yang berkenaan, bilakah hendak dijalankan. Kalau tidak, lama-kelamaan kita juga akan mendapat kerugian yang banyak di atas plaza-plaza yang saya sebutkan tadi.

Soalan-soalan lain yang saya sebutkan tadi menyusahkan rakyat berhubung dengan pembesaran-pembesaran jalan lebuhraya-lebuhraya ini umpamanya di kawasan saya juga begitu banyak rumah-rumah setinggan. Mereka ini adalah orang-orang miskin dan susah, tetapi pihak kontraktor yang telah mendapat kerja ini, mereka itu mengusir mereka yang duduk di tepi-tepi kawasan itu tanpa membayar apa-apa ganti rugi kepada mereka. Sedangkan rumah-rumah yang mereka dirikan itu adalah hasil dari titik-peluh mereka yang pendapatannya adalah sedikit, gaji mereka pun bukan banyak. Apa

salahnya pihak lebuhraya ataupun pihak yang berkenaan ini membayar sedikit sebanyak pampasan agar mereka ini dapat meminta daripada pihak Bandaraya ataupun Menteri Wilayah membina rumah setinggan di tempat lain.

Kita semua maklum di Kuala Lumpur ini begitu susah untuk mendapat rumah sama ada flat ataupun sebagainya. Inilah masalah yang berlaku dan di samping itu terlibat juga surau-surau yang ada di tepi kawasan itu termasuk kuil-kuil Hindu dan tokong-tokong China dan banyak lagi yang lain-lain terlibat tanpa mendapat ganjaran ataupun tanpa mendapat apa-apa bantuan daripada pihak lebuhraya ini.

Di dalam masalah ini, saya rasa di samping Kerajaan memperbaiki untuk mengindahkan negara kita, menyenangkan perjalanan lebuhraya ini, janganlah dilupakan masalah-masalah setinggan dan juga masalah-masalah orang miskin yang duduk di kawasan-kawasan yang berdekatan seperti di tepi-tepi kawasan yang saya sebutkan tadi. Oleh itu saya menyokong di atas peruntukan yang telah diminta oleh pihak Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kuantan.

4.46 ptg.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan):** Tuan Pengerusi, saya minta izin menyertai sama dalam perbincangan ini. Sebenarnya, Yang Berhormat dari Ipoh tadi menyokong Yang Berhormat dari Pasir Mas, jadi saya menyokong Yang Berhormat dari Pasir Mas sahajalah.

Tuan Pengerusi, saya merujuk Kertas Perintah 30, Maksud P.61

Butiran 23, dan juga Kertas Perintah 31, 4.1. dan 4.1.4. Yang sebenarnya walaupun saya rasa Kementerian berkenaan telah menerima banyak cadangan dan juga kritikan dalam perkara ini, saya dengan hormatnya ingin juga merakamkan bahawa banyak juga kerja-kerja yang boleh kita rakamkan pujian kita, terutama dalam hal-hal memperbaiki jalan. Bagaimanapun saya ingin juga menambah lagi sekali penekanan terhadap pentingnya mutu jalan raya itu walaupun saya tidak begitu kritis tentang soal-soal kontrak, umpamanya. Yang lebih kita pentingkan ialah mutu lebuhraya yang dibuat. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menambah senarai yang disebutkan oleh saudara-saudara kita dari Ipoh dan juga dari Pasir Mas. Lebuhraya umpamanya, antara Mentakab dan Temerloh walaupun baru dibuka lebih kurang tidak sampai 2 tahun sudah mengalami banyak kerosakan yang bertalu-talu. Begitu juga lebuhraya di antara Kuantan dengan Ulu Terengganu, seolah-olah tidak boleh digunakan langsung.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, kita bayak menggunakan perkataan seperti lebuhraya. Sebenarnya saya tidak begitu arif sama ada dengan adanya konsep lebuhraya ini kita sudah tidak ada lagi jalan raya-jalan raya, tetapi sekiranya masih ada jalan raya, saya hendak tahu di mana berakhirnya jalan raya dan di mana bermulanya lebuhraya.

Sebagai contoh, kalau kita hendak pergi ke Seremban sekarang, ada dua jalan. Satu, apa yang kita panggil lebuhraya dan satu lagi kita melalui jalan lama. Jadi lebuhraya itu memang sudah lebuhrayalah, jalan lama itu apa? Adakah ianya jalan lama, jalan raya berbanding dengan lebuhraya. Daripada segi mutunya kadang-kadang jalan raya lama itu lebih baik turapannya daripada lebuhraya. Kalau kita naik Bukit Mantin daripada

Kajang, umpamanya, jalan lama, jalannya besar, elok seolah-olah macam tidak ada langsung cacatnya lagi.

Begitu juga jalan raya antara Kuantan-Kuala Terengganu, umpamanya, saya tidak pernahengar orang panggil jalan lama itu sebagai lebuhraya. Masih lagi dipanggil jalan. Jadi dalam soal peruntukan ini, kita haruslah tahu sama ada peruntukan untuk lebuhraya ini dimaksudkan untuk lebuhraya-lebuhraya yang selalu kita sebut seperti Seremban-Kuala Lumpur, Kuala Lumpur-Karak dan Lebuhraya Selatan-Utara. Jadi dalam saya menyokong peruntukan ini, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang saya kasihi dapat juga menjelaskan apa yang saya persoalkan ini.

**Tuan Pengerusi, (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

*5.50 ptg.*

**Tuan Mohamed bin Isa (Kuala Kerai):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan dalam sidang pada hari ini.

Tuan Pengerusi, dalam Kertas Perintah 30, muka surat 10, P.61 Butiran 23—Lembaga Lebuhraya; dan Kertas Perintah 31, muka surat 4 di bawah tajuk 4.1.4, peruntukan yang berjumlah sebanyak \$490 juta yang diminta untuk kelulusan bagi kegunaan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Saya menyokong Kertas-kertas ini dan juga memberi sokongan yang sama kepada rakan-rakan saya Ahli Dewan yang telah pun memberi sokongan dalam peruntukan ini.

Cuma, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh satu, dua perkara, iaitu yang pertama sekali berhubung dengan pembinaan lebuhraya di seluruh

negara ini. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mewujudkan Lembaga Lebuhraya bagi menjalankan tugas yang satu ketika dahulu telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya ataupun JKR, tetapi dengan wujudnya Lembaga Lebuhraya maka negara kita mempunyai satu agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membina jalan-jalan di seluruh negara kita ini yang berbentuk tinggi dan memakan belanja yang sebegitu banyak bagi melaksanakan satu-satu jalan atau lebuhraya yang dibina di seluruh negara kita pada masa-masa yang lepas. Saya berharap Lembaga Lebuhraya akan merancang dan melaksanakan lagi seberapa banyak yang boleh di atas kemampuannya untuk membina lebuhraya-lebuhraya di seluruh negara ini yang dapat menyambungkan di antara satu bandar ke satu bandar atau satu negeri ke satu negeri di negara kita ini.

Cuma apa yang saya suka memperingatkan ialah berhubung dengan kerosakan yang begitu teruk kepada kebanyakan lebuhraya yang saya lihat. Umpamanya Lebuhraya Timur-Barat yang menyambungkan di antara Negeri Perak dengan Negeri Kelantan yang kerosakannya begitu teruk. Begitu juga Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak yang sentiasa lebuhraya-lebuhraya ini diperbaiki setiap tahun yang memakan belanja yang banyak. Saya berharap Lembaga Lebuhraya dapat mengelakkan daripada kerosakan ini dengan satu cara, iaitu menghadkan kenderaan-kenderaan berat yang menggunakan lebuhraya setiap masa kerana dengan kegunaan oleh kenderaan-kenderaan yang berat, seperti lori-lori balak dan lain-lain lagi, lebuhraya ini menghadapi kerosakan dan langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian Kerjaraya untuk meletakkan alat-alat sukatan berat atau timbang berat yang berada di

kawasan-kawasan lebuhraya sekiranya dapat dilaksanakan, amatlah berkesan sekali. Tetapi alat timbang berat yang saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri Kerjaraya telah pun menyedari hakikat ini iaitu alat timbang berat yang berada di Lebuhraya Kuala Kerai-Gua Musang yang telah pun dipasang begitu lama dan memakan belanja yang banyak saya rasa, sampai hari ini tidak dapat digunakan lagi.

Saya dapati banyak lori-lori balak yang pada andaian saya, pada anggapan saya muatannya mungkin berlebihan dan di kiri-kanan bahu jalan itu nampak telah pun rosak lebuhraya itu. Jadi, ini kalaulah alat timbang berat itu dapat dipercepatkan kegunaannya, sedikit sebanyak boleh kita atasi kerana Lebuhraya Kuala Kerai-Gua Musang setakat hari ini tidak begitu cacat walaupun telah digunakan lebih daripada 3 tahun kerana mungkin dari segi pembinaannya pada anggapan kita boleh dikatakan memuaskan dan baik.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pembinaan lebuhraya oleh Lembaga Lebuhraya ini juga, saya suka sentuh masalah untuk memperelokkan lebuhraya yang dibinakan tadi dengan menanam pokok di kiri kanan jalan dan memasang lampu-lampu jalan berhampiran dengan pusat-pusat bandar. Juga saya meminta kepada pihak Lembaga Lebuhraya atau Kementerian Kerjaraya yang selama ini Kementerian ini telah pun memberi kerjasama dan dapat kerjasama daripada Majlis-majlis Daerah dan Majlis-majlis Perbandaran bagi memperelokkan lebuhraya dengan memasang lampu dan menanam pokok, tetapi lampu-lampu yang dipasang oleh Lembaga Lebuhraya itu dari segi tenaga elektriknya terpaksa ditanggung dan dibayar oleh Majlis-majlis Daerah ataupun Majlis-majlis Tempatan atau Majlis-majlis Perbandaran, tidak ditanggung tenaga

api elektrik oleh Kementerian Kerjaraya atau oleh Lembaga Lebuhraya.

Misalnya saya beri contoh di Kuala Kerai, di kawasan saya, lampu-lampu jalan yang dipasang oleh Lembaga Lebuhraya atau oleh Kementerian Kerjaraya hari ini terpaksa dipadamkan kerana pihak Majlis Daerah tidak mampu dari segi kewangannya untuk membayar bil-bil elektrik yang tinggi berhubung dengan pemasangan lampu-lampu di lebuhraya tadi. Sehingga hari ini ada parti-parti Pembangkang pula mengatakan setelah Kerajaan Barisan Nasional memerintah ini, dia kata, lampu-lampu jalan terpaksa dipotong kerana kewangan begitu meleset. Saya berharaplah, Tuan Pengerusi, perkara ini sekiranya lampu-lampu jalan untuk memperhiaskan lebuhraya ini apabila dipasang akan dapat perbelanjaan itu atau bil-bil api elektrik tadi dibayar oleh Lembaga Lebuhraya ataupun oleh Kementerian Kerjaraya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan keselamatan di jalan raya, saya rasa amatlah penting di kawasan-kawasan lebuhraya dan saya bersetuju benar di atas cadangan yang diutarakan oleh pihak Kementerian Pengangkutan dan juga Jabatan Kerjaraya menghadkan kelajuan kenderaan bagi lebuhraya, tetapi setakat hari ini tindakan-tindakan selanjutnya sebagai satu amaran kepada pengguna-pengguna lebuhraya supaya kelajuan di lebuhraya itu dapat dikawal, tidak lagi diambil tindakan yang sewajarnya sebagai satu amaran kepada pengguna-pengguna lebuhraya.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang dapat saya sentuh sedikit sebanyak dan saya menyokong cadangan ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1986 dibaca kali yang ketiga dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1986 diluluskan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa satu usul yang berbunyi:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1986 dibaca kali yang ketiga dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1986 diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1986 dibaca kali yang ketiga dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1986 diluluskan.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN TAMBAHAN  
1986**

**DAN  
USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN  
(TAMBAHAN) (Bil 1) 1986**

**Jawatankuasa**

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kerjaraya untuk menjawab.

6.04 ptg.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat ke atas aktiviti-aktiviti di bawah tanggungjawab Kementerian saya dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai tanggungjawab Kementerian saya. Saya dengan sukacitanya sekarang cuba menjawab satu persatu perkara yang dibangkitkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan berkenaan dengan butir-butir permintaan daripada Kementerian saya iaitu sejumlah permintaan sebanyak \$490 juta. Butir-butir daripada jumlah itu ialah sebanyak \$328 juta adalah diberi secara langsung grant dan \$162 juta diberi secara pinjaman. Peruntukan ini digunakan bagi membiayai projek-projek Lembaga Lebuhraya Malaysia yang sedang dan akan dilaksanakan. Jumlah cara langsung sebanyak \$238 juta itu adalah bagi membiayai bayaran kontrak pampasan tanah dan bayaran

faedah pinjaman ke atas projek-projek seperti berikut:

<i>Projek</i>	<i>Bayaran</i> \$
Bukit Kayu Hitam	600,000
Jitra/Butterworth	60,900,000
Alor Star/Jalan Bandar	800,000
Butterworth/Changkat Jering	4,100,000
Changkat Jering/Ipoh	57,200,000
Ipoh/Tanjong Malim	1,000,000
Tanjong Malim/Kuala Lumpur	300,000
Kuala Lumpur/Seremban	9,900,000
Seremban/Ayer Hitam	71,500,000
Ayer Hitam/Johor Bahru	1,800,000
Kuala Lumpur/Karak	12,400,000
Jambatan Pulau Pinang	32,400,000
New Klang Valley Expressway	3,000,000
Faedah	72,100,000
Jumlah	<u>328,000,000</u>

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, Yang Berhormat.

**Dr Chen Man Hin:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Penjelasan!

**Dr Chen Man Hin:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada Dewan ini pihak swasta adakah peranan dalam pembinaan ini, oleh sebab Kerajaan selalu mengatakan Kerajaan hendak menswastakan semua kerja-kerja membina lebuhraya; nampaknya hari ini kita nampak Kementerian hampir \$500 juta untuk membina lebuhraya ini. Adakah ini menunjukkan pihak swasta ada dalam pembinaan sekarang?

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban. \$490 juta, jadi satu permintaan kecil. Permintaan

ialah sejumlah lebih daripada \$2.4 billion untuk jalan yang sedang dalam proses pembinaan. Sejumlah 903 kilometer daripada Bukit Kayu Hitam dan Johor Bahru. Daripada 903 kilometer itu Lembaga Lebuhraya Malaysia sedang dalam proses pembinaan itu lebih daripada 450 kilometer. Pembinaan itu dan juga permintaan daripada Dewan yang mulia ini untuk kerja-kerja yang sedang dijalankan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia melalui secara kontrak yang sedang dalam pembinaan, tetapi kerja-kerja kita menawarkan untuk pengswastan iaitu lebih daripada 504 kilometer tidak masuk dalam peruntukan yang kita minta dalam tambahan ini. Inilah penjelasan daripada saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

**Dr Chen Man Hin:** Jawapan itu belum cukup. Adakah pihak swasta ada peranan sekarang? Saya bertanya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tidak, ini secara kontrak dijalankan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia terus, tetapi saya harap dalam satu tempoh masa akan datang kerja-kerja yang tidak masuk dalam senarai projek-projek ini akan dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta. Jelas? Terima kasih.

Tuan Pengerusi, manakala pinjaman sebanyak \$162 juta pula adalah bagi membiayai projek-projek yang disenaraikan seperti berikut:

<i>Projek</i>	<i>Bayaran</i> \$
Bukit Kayu Hitam/Jitra	1,000,000
Jitra/Butterworth	27,000,000
Butterworth/Changkat Jering	2,000,000
Changkat Jering/Ipoh	33,000,000
Ipoh/Tanjong Malim	1,500,000
Tanjong Malim/Kuala Lumpur	2,500,000
Kuala Lumpur/Seremban	5,000,000
Seremban/Ayer Hitam	44,000,000

<i>Projek</i>	<i>Bayaran</i> \$
Ayer Hitam/Johor Bahru	2,000,000
Kuala Lumpur/Karak	8,000,000
Jambatan Pulau Pinang	7,000,000
Lebuhraya Baru Lembah Klang	2,000,000
Faedah bank	27,000,000
Jumlah	<u>162,000,000</u>

Inilah jawapan Kementerian saya kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga Yang Berhormat dari Ipoh telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan kekuatan (stability) jalan raya dan kerosakan yang telah berlaku dan juga berkenaan dengan pengumuman-pengumuman daripada Kementerian saya berkenaan dengan rekabentuk dan lain-lain. Suka saya menjelaskan kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, mengikuti rekabentuk yang sedang dijalankan oleh Kementerian saya iaitu muatan yang kita benarkan atas jalan di lori-lori atau kenderaan-kenderaan berat ialah 9 tan satu axle. Saya tahu juga pembawa lori-lori itu kawan baik saya, bukan tuanpunya lori itu. Kesalahan itu telah berlaku bukan oleh pemandu-pemandu lori. Pemandu-pemandu lori mendapat gaji mereka bekerja, apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris "the culprits"—saya tidak tahu bahasa itu boleh digunakan dalam Dewan ini atau tidak—siapa yang kita salahkan tiap-tiap kali ialah tuanpunya-tuanpunya lori itu. Mereka minta berat yang lebih sebab itu pada masa sekarang kita beri 11 tan satu axle, tetapi jikalau kita gunakan lebih axle dan kita isi lebih berat, saya harap jalan raya di dalam tanahair ini boleh mengambil keberatan itu.

Suka juga saya jelaskan sedikit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ada

juga soalan mengapakah Kementerian kami tidak mengambil keputusan untuk menjaga kepentingan keberatan atas jalan raya itu. Kita tidak boleh membuat rekabentuk untuk satu jalan mengambil 50 tan atas jalan itu. Jikalau kita buat rekabentuk untuk mengambil berat 50 tan, saya harap itu akan berharga lebih daripada \$200 billion. Kita jual, kita pun tidak boleh dapat duit itu. Kita mahu ikuti dengan keberatan yang digunakan oleh di seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya telah memberi nasihat kepada tuanpunya-tuanpunya lori itu untuk mengadakan lebih axle, jikalau mereka boleh mengadakan lori-lori dengan lebih axle, kami pun boleh timbang untuk memberi lebih berat atas lori itu. Pada masa sekarang saya telah minta Kementerian saya untuk menimbang bolehkah kita beri kebenaran kepada mereka mengisi sekurang-kurangnya 13 tan di satu axle. Jikalau ada juga axle yang lebih, saya boleh janji kepada tuanpunya-tunpunya lori itu kita akan memberi kebenaran dan juga saya harap jalan-jalan yang sedia ada di dalam tanahair ini boleh mengambil keberatan itu.

Satu contoh, Tuan Pengerusi, ini kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan khasnya kepada Ahli dari Pasir Mas. Di satu tahun yang lalu apabila Lembaga Letrik Negara telah mengimport satu generator bersama-sama dengan turbine, berat turbine itu 286 tan, ramai di antara engineers di JKR kata kita tidak boleh menggunakan jalan ini untuk mengisikan turbine itu dari Pelabuhan Kelang ke Power Station di Kapar. Tetapi saya sendiri memberi timbangan, pada akhirnya kita memberi kuasa kepada satu syarikat, syarikat itu telah menggunakan satu lori dengan 36 axle, kita sendiri telah jaga operasi itu. Pada akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya tahu jalan itu tidak dapat apa-apa kerosakan

sebabnya jalan di tanahair ini boleh ambil lebih daripada 286 tan jikalau, dengan izin, if the load is properly distributed amongst the axles. Itulah kebenaran saya terima daripada Tuan Pengerusi untuk menyebutkan dalam bahasa Inggeris.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ada juga banyak aduan-aduan berkenaan dengan jalan raya Seremban-Kuala Lumpur, jalan raya Karak-Kuala Lumpur, jalan raya ini, jalan raya itu dan lain-lain, saya suka menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya ialah satu agensi, agensi yang akan menyiasat atas projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Kementerian saya. Selepas itu kita akan hantar projek itu kepada, dengan izin, Economic Planning Unit (EPU), merekalah menimbang, jikalau Kementerian saya minta \$160 juta untuk jalan Seremban-Kuala Lumpur tetapi mereka mengurangkan permintaan itu jadi \$90 juta sahaja. Jadi, dengan izin, the standards are reduced to meet the "pocket". Itulah betul. Jikalau kita boleh juga membina satu jalan dengan \$160 juta, tidak payahlah kita memperbaiki. Baru saya dengar marah-marah dari Ahli Yang Berhormat, semua tidak laku, ada banyak rahsia, itu kita tidak boleh memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedia ada di dalam Dewan ini (*Ketawa*). Seperti itu jugalah jalan dari Kuala Lumpur ke Karak, siapa "bapa" yang rancang jalan itu ialah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein. Beliau telah memberi satu peruntukan khas kepada pembinaan jalan raya iaitu dari Kuala Lumpur ke Karak. Di dalam jalan itu mengikuti dengan cadangan-cadangan, cadangan-cadangan itu kita mesti mengadakan beberapa terowong, barulah kita boleh mengadakan satu jalan yang lebih baik. Tetapi akhir sekali kita dapat kelulusan dari EPU mereka membenarkan satu terowong

dan juga taraf itu kita ikut dengan paras jalan yang sedia ada. Sebab itulah kita mempunyai banyak masalah-masalah.

Walau bagaimanapun, saya suka mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas siasatan mereka, atas tanggungjawab mereka, atas hati mereka untuk membangkitkan perkara ini dalam Dewan ini, barulah saya sebagai seorang Menteri boleh memberi jawapan kepada mereka. Saya ucap terima kasih sebab kalau mereka tidak bangkitkan, saya tidak jawab. Saya tidak jawab, rakyat tidak tahu apakah penjelasan. Itulah kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedia ada di dalam Dewan ini lebih dinamik, saya ucap tahniah kepada mereka. Tetapi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Jalan Changkat Jong ke Ipoh yang telah dibangkitkan oleh Ahli . . . . .

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Dr Chen Man Hin:** Kalau saya tidak silap dengar beliau ada kata kita punya jalan adalah jalan yang terbaik di dalam Asia, tetapi tadi kita dengar peruntukan daripada EPU sudah dipotong banyak, lebih kurang 40 peratus. Kalau potongan yang sangat besar ini, bolehkah menurunkan standard, di mana tahap lebuhraya itu? Ini ada bertentangan dengan claim Yang Berhormat Menteri.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Seremban, jikalau kita compare dengan jalan yang sedia di Asia, jalan di Malaysia lebih bagus. Jikalau kita compare dengan Japan, tidak. Itu satu standard, saya suka jelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Hu Sepang:** (*Bangun*)

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya belum menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban, selepas itu Rasah, selepas itu Kepong pun saya boleh jawab (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, jalan-jalan dibina di negeri Jepun sekarang . . . . .

**Tuan Hu Sepang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti Yang Berhormat, biar Menteri jawab dahulu.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri itu sudah janji kepada saya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti dahulu, dia tidak habis lagi menjawab.

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya belum habis jawapan kepada Yang Berhormat dari Seremban.

**Tuan Hu Sepang:** Yang Berhormat Menteri habis jawab, tolong beritahu notis.

**Dato' S. Samy Vellu:** Boleh, jangan susah, saya tidak balik hari ini! (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, apa yang saya kata tadi, kita tidak boleh compare dengan jalan yang sedia ada di negara Jepun sebabnya mereka belanja lebih daripada US\$30 juta untuk satu kilometer, dengan izin, US\$30 million untuk satu kilometer, tetapi kita belanja \$3 juta untuk satu kilometer. Terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat macam manakah taraf ini. Tetapi mengikuti dengan taraf yang sedia ada di dalam tanahair adalah setaraf dengan lain-lain Asian countries, kita boleh tahan. Itu sahaja. Saya minta Yang Berhormat dari Rasah . . . . .

**Tuan Hu Sepang:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Kalau jalan-jalan di negara kita Malaysia adalah seperti

dikatakan ataupun disifatkan oleh Yang Berhormat Menteri itu begitu baik, taraf dan mutu begitu tinggi, bolehkah Yang Berhormat Menteri itu menjelaskan bagaimana kita mempunyai satu kadar kemalangan yang tertinggi sekali di Asia?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, kemalangan itu tidak masuk dalam Kementerian saya (*Ketawa*). Menteri yang berkenaan itu baru sahaja ada di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bertanyakan jawapan kepadanya.

Berkenaan dengan jalan, saya katakan tadi, jalan ada dua taraf, satu bertaraf international, dengan izin, baru sahaja kita mengikut dengan jalan iaitu Utara/Selatan, satu jalan yang mempunyai international standard. Saya harap dalam tempoh lima tahun akan datang di tanahair kita, kita akan mempunyai "autobahn" lebih daripada 1,000 kilometer. Masa itu baru kita tahu macam manakah jalan . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya belum selesai lagi kepada Yang Berhormat Rasah. Saya harap masa itu kita boleh tengok apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat atau pengguna-pengguna jalan. Saya harap tiada apa-apa masalah selepas kita siapkan jalan lebuh raya daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru. Jalan itu akan menjadi international standard. Standard-standard yang lain kita sedia ada sekarang, iaitu satu standard boleh dicompare dengan negara-negara ASEAN yang sedia ada berhampiran dengan tanahair kita.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun, Yang Berhormat.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya ada satu lagi yang minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sana pun ada juga yang mana hendak beri?

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya, saya boleh jawab.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, katanya, kononnya jalan kita ini terbaik di kalangan Asia sehingga kita bandingkan dengan Jepun. Saya ingin bertanya kenapa jalan kita kalau dibandingkan dengan negara Thai, Thailand lebih baik, sebab keadaan tanah di Thailand, jalan-jalan di Thailand sama dengan negara kita manakala jalan yang digunakan di Thailand oleh kenderaan-kenderaan besar seperti jumlah ton yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sama dengan negara kita. Saya bertanyakan masalah ini supaya rakyat semua boleh tahu, kerana mereka sedang bertanya dan membabitkan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, supaya seluruh rakyat Malaysia tahu kedudukan jalan kita dengan Thailand, mana lebih baik?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya pun ada pergi Thailand juga, bukan tidak (*Ketawa*). Saya tahulah daripada sempadan Malaysia ke Sadau dan juga Haadyai, apakah taraf jalannya kita tahu, tetapi saya tidak payah cakaplah. Walau bagaimanapun, satu perkara saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat dari Pasir Mas, tanah yang sedia ada di negeri Thailand dan tanah yang sedia ada di negara kita tidak sama, dengan izin, the condition of soil from one place to another cannot be determined by any specialist in the world, tidak boleh. Itu tidak sama, tidak boleh ditetapkan itu. Ini satu perkara saya suka menjelaskan kepada Yang Berhormat, dan sekarang saya minta Yang Berhormat dari Kepong (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong hendak pergi Thailand juga?

**Dr Tan Seng Giaw:** Bukan Thailand, ada perkara lain juga. Tadi Yang Berhormat dari Pasir Mas menyebutkan Thailand. Saya hendak tambahkan lagi dengan Taiwan dan Singapura. Apakah kalau kita bandingkan taraf jalan raya kita dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi, kerana ada satu gejala di dalam lebuhraya kita ini kadangkala di separuh atau di tengah-tengah ada orang yang boleh menggunakan divider dan sebagainya untuk melalui dan membelok seperti di Kelang dan sebagainya. Apakah yang akan terjadi dengan divider-divider ini dan stop-stop yang diadakan di sepanjang jalan raya ini, kerana saya tidak nampak satu lebuhraya dapat diwujudkan di mana fungsinya dipakai seperti jalan biasa? Kalau lebuhraya seperti "autobahn" yang disebutkan tadi, itu tidak ada divider digunakan dan sebagainya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, seperti apa yang saya katakan tadi, banyak di antara jalan-jalan yang sedia ada tidak mempunyai dengan izin, grades separated interchange. Cuma ada satu tempat sahaja sekarang iaitu daripada Kuala Lumpur ke Seremban yang mana Yang Berhormat dari Kepong juga boleh melihat, banyak di antara simpang-simpang tidak boleh belok, tidak boleh jalan sini atau sana. Sebab itu kita akan mengikuti dengan satu taraf international yang mana kita ada grades seperti interchange. Siapa-siapa suka gunakan jalan, dia boleh jalan terus, tiada apa-apa halangan.

**Tuan Hu Sepang:** Ya, saya ingin hendak tahu juga bagaimana dengan pembayaran TOL?

**Dato' S. Samy Vellu:** Itu saya akan jawab selepas ini. Di jalan Kelang

sekarang tidak mengikuti taraf international, antarabangsa. Sebab itu ada juga simpang-simpang, bukan bertingkat, simpang yang sama, kita mesti mempunyai masalah. Di sinilah pada masa depan apabila kita menjalankan penswastan jalan lebuhraya, Federal Route Two daripada Subang Jaya ke Kelang, kita mesti mengikuti taraf antarabangsa yang mana kita akan membina lebih daripada enam simpang bertingkat. Dengan itu kita akan mengatasi masalah seperti apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ada satu lagi Ahli iaitu dari Rasah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia sudah puas hati agaknya. Sekarang Ahli dari Bukit Bintang pula tidak puas hati.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, izinkan saya juga mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, iaitu berkenaan dengan kemudahan-kemudahan untuk orang ramai di sepanjang lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban ataupun di sepanjang lebuhraya Kuala Lumpur/Karak. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa kemudahan-kemudahan seperti bilik air, mini restoran belum dapat dibekalkan. Ini sentiasa menimbulkan masalah untuk pengguna-pengguna lebuhraya ini dan adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kadangkala sahabat-sahabat saya yang menggunakan lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban terpaksa memasuki estet perumahan bila mereka hendak membuang air.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyoal berkenaan dengan kawasan rehat dan perkhidmatan. Dengan izin, service and rest areas. Itu ada dalam cadangan-cadangan, itu akan masuk dalam peringkat yang keempat. Sekarang kita

telah menjalankan sampai peringkat ketiga sahaja di jalan Seremban/Kuala Lumpur. Saya harap apabila kita mengadakan wang peruntukan daripada Kementerian Kewangan, kita akan menjalankan cadangan yang keempat, iaitu service and rest areas di mana ada juga kedai kopi dan juga tandas untuk pengguna-pengguna jalan raya dan lain-lain. Itu akan menjadi satu kawasan yang lebih baik daripada kawasan-kawasan yang sedia ada sekarang.

Saya teruskan dengan jawapan saya, Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan masalah banjir di Jalan Ipoh/Changkat Jong, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, saya suka memberi akuan kepada Yang Berhormat, saya akan menyiasat perkara ini. Jikalau ada juga masalah-masalah seperti ini, saya mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan atau masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di tepi jalan. Itu sahajalah berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari . . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** Berkenaan dengan lebuhraya daripada Ipoh/Changkat Jering yang ditimbulkan oleh rakan saya, dari Ipoh, di mana dikatakan pasir-pasir, tanah-tanah dan batu-batu yang kecil itu melambung ke dalam sungai-sungai yang telah menyebabkan dasar sungai itu begitu tebal yang menyebabkan banjir di kawasan tersebut. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu kepada Dewan ini sama ada Yang Berhormat Menteri itu dapat menerima satu cadangan atau satu memorandum yang dibangkitkan oleh penduduk-penduduk bagi sekitar kawasan banjir di Ipoh itu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, Kerajaan Barisan Nasional ialah satu Kerajaan terbuka, Menteri-menteri pun hati terbuka juga. Sebab itu ada juga apa-apa aduan daripada rakyat jelata melalui Ahli-ahli Dewan

Rakyat walaupun mereka dari Barisan Nasionalkah atau DAPkah mana-mana pun kita boleh terima. Kita boleh siasat, kita boleh ambil tindakan. Janji itu saya berikan kepada Yang Berhormat dari Pasir Pinji. Okay, ada lagi?

**Tuan Lau Dak Kee:** Apa yang saya minta Tuan Pengerusi, ialah adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu sama ada satu memorandum sudah disampaikan kepada Menteri yang berkenaan dengan permintaan dan syor-syor yang telah dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya tidak menerima apa-apa. Jikalau saya menerima dalam tempoh masa akan datang, saya mengambil tindakan dengan serta merta.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Dato' S. Samy Vellu:** Belum selesai lagi?

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya rasa mungkin Menteri yang berkenaan itu begitu sibuk dan tidak ada masa yang lapang kadang-kadang untuk membaca memorandum. Apa yang saya dapati ialah satu memorandum telah dihantar daripada penduduk-penduduk yang duduk di sekeliling Sungai Pari telah dikemukakan satu memorandum kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak dan Menteri Kerjaraya dan Menteri Pengangkutan juga terhadap perkara-perkara banjir yang berlaku di Sungai Pari di Ipoh itu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, jikalau memorandum itu beralamat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan salinan kepada saya, saya tidak ada mengambil tindakan. Betul. Jikalau surat atau memorandum itu dialamatkan kepada saya sebagai Menteri Kerjaraya jikalau saya

nampak ada juga kuasa saya dan masalah itu ada berkaitan dengan Kementerian saya dengan serta merta saya mengambil tindakan (*Tepek*).

Tuan Pengerusi, ada juga masalah-masalah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai berkenaan dengan stesen-stesen tol yang sudah ada ditempatkan di Kuala Lumpur dan aliran jalan Seremban-Kuala Lumpur. Beliau hendak tahu mengapakah kita mengadakan beberapa stesen tol. Saya suka jelaskan sedikit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem pengutipan tol ada dua jenis. Satu jenis ialah jenis tertutup dan satu jenis lagi ialah jenis terbuka. Apa yang sedia ada sekarang ialah jenis terbuka. Jenis terbuka jikalau seorang pengguna jalan guna jalan untuk 5 kilometer, 10 kilometer pun bayar \$1.00 sahaja. Jikalau dia guna 39 kilometer pun bayar \$1.00. Dengan mengikut sistem tertutup saya berharap pada masa yang akan datang pengguna-pengguna jalan raya boleh menjimatkan wang mereka. Mereka membayar di tiap-tiap stesen tol apabila mereka keluar untuk berapa jauh atau berapa kilometer mereka guna jalan raya. Sebab itulah sistem tertutup akan dilancarkan tidak berapa lama lagi. Itulah sahaja penjelasan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

Berkenaan dengan perkara rumah setingan, perjalanan, gantirugi, pampasan dan lain-lain lagi tidak termasuk di bawah Kementerian saya, tidak termasuk dalam permintaan tambahan wang yang saya minta. Itu tidak. Ini mengikut dengan lebuhraya sahaja. Itu saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat, saya tidak dapat beri jawapan.

Saya pergi kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuantan. Ahli Yang Berhormat dari Kuantan kawan baik saya telah membangkitkan beberapa

perkara, perkara itu pun saya sudah jawab tadi apabila saya menjawab kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga Yang Berhormat dari Ipoh.

Ada juga satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Krai iaitu berkenaan dengan lampu isyarat yang sedia ada di Bandar Kuala Krai walaupun dibina oleh Jabatan Kerjaraya pada masa dahulu. Saya harap Yang Berhormat akan mengambil perhatian semua jalan termasuk dalam kawasan Majlis Daerah adalah dikuasai oleh Majlis Daerah itu. Pembinaan itu telah dilakukan oleh Jabatan Kerjaraya selepas itu kita akan alih perkara itu kepada Majlis Daerah. Jikalau Majlis Daerah tidak ada wang untuk membayar kepada Lembaga Letrik Negara saya harap Tuhan akan memberi kebenaran atau tolong kepada mereka untuk membayar. Ini telah berlaku di banyak kawasan-kawasan bukan sahaja Ahli Yang Berhormat, Majlis Daerah tidak menyelesaikan bil-bil Lembaga Letrik Negara. Itu saya dukacita, bukan masuk dalam Kementerian saya, saya tidak boleh jawab perkara itu. Walau bagaimanapun saya sampaikan perkara itu kepada Tuhan. Mintalah Tuhan memberi kebenaran kepada mereka untuk menyelesaikan masalah ini.

Berkenaan dengan masalah-masalah yang lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah pun jawab tadi saya harapkan Tuan Pengerusi, jawapan ini pun sudah panjang lebar. Pada masa yang akan datang apabila kita ada perkara-perkara yang kita bincang berkenaan dengan Kementerian saya, saya boleh juga memberi lebih keterangan. Dengan ini . . . .

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Wakil dari Kuantan bangun.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, ada satu yang tidak dijelaskan, iaitu peruntukan ini termasuk atau tidak jalan-jalan yang dipanggil jalan lama, bukan lebuhraya. Itu yang saya ada sentuh sedikit tadi. Terima kasih.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Kuantan, ini tidak termasuk peruntukan-peruntukan bagi jalan-jalan raya yang sedia ada. Itu namanya jalan raya, tetapi ini lebuhraya. Ada dua. Dan berbeza di antara jalan raya dan lebuhraya, lebuhraya dipunyai oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bharu yang pertama; yang kedua, dari Kuala Lumpur ke Karak dan ketiga dari Kuala Lumpur ke Seremban. Pada masa yang akan datang dari Kuala Lumpur ke Ayer Keroh dan Pagoh. Satu lagi di masa akan datang iaitu lebuhraya Kuala Lumpur-Kelang atau dengan izin, the Klang Valley Expressway yang memasuki dalam kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia. Apa permintaan yang kita minta kepada Dewan yang mulia ini untuk perbelanjaan Lembaga Lebuhraya Malaysia sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$490,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.61 dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1986 di bawah Kementerian Kerjaraya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$490,000,000 untuk Maksud P.61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1986.

*Maksud B.62 (Jadual)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.62 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dibuka untuk dibahas. Sila Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

*6.41 ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Maksud B.62, Kertas Perintah 29 dan Penyata Keluaran Wang daripada Kumpulanwang Perbelanjaan Luar Jangka bagi tempoh dari 1-1-1986 hingga 15-6-1986 bagi urusan bayaran balik kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang berkait dengan penjualan getah asli dengan harga diskaun kepada pengeluar-pengeluar barangan getah Malaysia. Tambahan sebanyak \$3.2 juta diperuntukkan bagi tujuan ini. Dengan harga getah yang begitu rendah, mengapa diskaun ini masih diadakan dan adakah ini bermakna bahawa hasil daripada diskaun yang telah diberikan kepada pengeluar-pengeluar barangan getah Malaysia tidak mempunyai kewangan yang cukup iaitu pihak RISDA dan FELDA tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk membayar pengeluar-pengeluar getah asli. Berapakah banyaknya diskaun yang telah diberi kepada pengeluar-pengeluar barangan getah Malaysia dan mengapakah peratusan ini dipilih dan bilakah diskaun ini telah diberikan? Memandangkan bahawa harga getah sungguh rendah, mengapakah diskaun seperti ini

diberikan dan siapakah pengeluar-pengeluar barangan getah Malaysia yang telah menerima faedah daripada harga diskaun ini dengan ekonomi Malaysia yang meleset dan harga komoditi seperti getah yang menurun? Apakah objektif dan matlamat Kerajaan untuk memberi diskaun seperti ini? Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab dengan betul. Sekian, terima kasih.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana menyentuh sesuatu yang ada hubung kait dengan Kementerian saya. Suka saya menjelaskan di sini bahawa peruntukan ini adalah bagi membiayai skim harga diskaun kepada pembelian getah oleh pengeluar-pengeluar barangan getah Malaysia daripada agensi-agensi Kerajaan, seumpama MARDEC, FELDA dan RISDA. Skim ini bermula dari 1hb Januari, 1985. Jadi, bermula dari tarikh itu, pengeluar-pengeluar barangan getah yang berorientasikan eksport, menikmati diskaun atas tarif dan juga harga pembelian getah asli, dari agensi-agensi yang saya sebutkan sekejap tadi. Skim ini, melibatkan 18,500,000 kilogram kuantiti getah kering, yang dibeli oleh syarikat-syarikat pembuatan barangan getah. Dari jumlah ini, sebanyak \$3,100,000 benar-benar diperlukan oleh FELDA dan sebanyak \$100,000 oleh RISDA.

Tuan Pengerusi, skim ini merupakan satu insentif berbentuk diskaun yang berharga 20 sen bagi tiap-tiap satu kilogram terhadap syarikat pembuatan barangan getah untuk

dieksport. Syarikat-syarikat ini satu-satunya adalah Dunlop, Bata dan harga diskaun ini, Tuan Pengerusi, hanya diperolehi jika getah dibeli daripada MARDEC, FELDA dan RISDA dengan pecahan peruntukan yang berdasarkan 50/50 di antara Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah iaitu 50% untuk MARDEC dan 50% lagi dibahagikan di antara FELDA dan RISDA. Agensi-agensi ini memohon reimbursement, dengan izin, secara quarterly, Tuan Pengerusi.

Itulah, saya rasa, penjelasan saya, di mana sekali lagi, saya nyatakan ciri-ciri ini berasaskan bahawa barangan itu adalah barangan getah dan ianya untuk dieksport, dan tujuannya ialah untuk menolong membantu peneroka FELDA dan pekebun-pekebun kecil semoga pendapatan mereka lebih lumayan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa wang sejumlah \$3,200,000 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,200,000 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

*Maksud P.63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P.63 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas.

6.45 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Saya merujuk kepada Maksud

P.63, Butiran 11, Kertas Perintah 30 dan para 4.1.3. muka surat 4, Kertas Perintah 31, Tahun 1986 sekaligus.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan peruntukan yang diperlukan oleh Majlis Amanah Rakyat di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya suka merujuk kepada peruntukan \$12.2 juta bagi tujuan pinjaman kepada MARA untuk membeli ekuiti dalam Syarikat Pembangunan Pemasaran Industri Kampung. Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh atas peruntukan ini dan saya anggap ianya merupakan peruntukan yang begitu kecil kalau dibandingkan dengan peranan Syarikat Pembangunan pemasaran Industri Kampung, suatu perbadanan pemasaran yang berusaha untuk menolong penduduk-penduduk desa mendirikan industri kampung. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, kejayaannya bergantunglah kepada pengurusan yang bersih, cekap serta strategi pemasaran yang lebih agresif. Sebab kalau kita lihat kepada pertumbuhan industri-industri kampung terutama seperti contoh di negeri Kelantan, sebanyak 22 buah manakala kita lihat peluang menubuhkan industri kampung ini banyak lagi di desa-desa. Tetapi oleh kerana masalah pemasaran, pertumbuhannya amat kecil sekali, maka saya kira tepat dan wajar penglibatan MARA di dalam Syarikat Pembangunan Pemasaran Industri Kampung ini supaya masalah pemasaran bukan sahaja ditumpu kepada dalam negeri sahaja, tetapi juga pemasaran bagi bahan-bahan yang dikeluarkan melalui industri kampung dapat dibuat juga di luar negara kita. Malah kita berharap juga, mulai pada sekarang ini, pihak Syarikat Pembangunan Pemasaran Industri Kampung yang dibantu oleh MARA supaya dapat membuat penetrasi yang lebih agresif supaya Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan kita dan

seluruh agensi-agensi Kerajaan dapat mengguna bahan-bahan yang dikeluarkan oleh industri kampung bagi membantu penduduk-penduduk desa yang menjalankan industri kampung.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, suka saya bertanya kepada pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sejauh manakah penglibatan pengurusan pihak Kementerian sendiri dalam Syarikat Pembangunan Pemasaran Industri Kampung ini bagi menentukan supaya Syarikat Pembangunan Pemasaran Industri Kampung ini dapat dijalankan dengan jayanya. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

6.48 ptg.

**Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 1986 dan merujuk kepada Kertas Perintah 31 Tahun 1986 di bawah tajuk Maksud P. 63.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan peruntukan yang begitu besar iaitu \$40.88 juta yang telah diperuntukkan untuk Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, apabila saya mengkaji dengan telitinya peruntukan untuk luar bandar, saya tidak nampak apa-apa peruntukan untuk satu kawasan besar di dalam luar bandar iaitu kawasan ladang-ladang di dalam negara kita. Sepertimana kita semua maklum, ladang-ladang telah pun menyumbang sebegitu besar di dalam ekonomi negara kita, tetapi apabila kita nampaknya peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan kepada pembangunan ladang-ladang ini, kita nampaknya peruntukan itu bukan sahaja kecil nampaknya tidak ada juga.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya atau menyoal kepada Kerajaan adakah istilah “luar bandar” ini mengandungi kawasan luar bandar seperti ladang-ladang yang ada di dalam negara kita.

Semalam saya telah melawat Ladang Nigel Gardner di mana saya telah melihat dengan mata sendiri bagaimana keadaan air yang telah dibekalkan kepada penduduk-penduduk di kawasan itu, dan air itu tidak bersih sehingga kita tidak boleh minum.

Saya ingin merayu kepada Menteri Buruh dan Menteri Kesihatan, walaupun kedua-dua menteri tidak ada di dalam Dewan yang mulia ini, untuk mengkaji secepat mungkin keadaan air yang dibekalkan kepada Ladang Nigel Gardner di dalam kawasan saya.

Saya berharap di masa yang akan datang kawasan-kawasan ladang boleh dimasukkan di dalam istilah “luar bandar”, dan diberi peruntukan di dalam Anggaran Belanjawan yang akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini pada 24hb Oktober. Saya juga berharap satu peruntukan besar boleh diberi untuk membangunkan kawasan ladang-ladang ini, oleh kerana penduduk-penduduk di ladang-ladang ini tidak menikmati kehidupan yang sihat jika dibandingkan dengan zaman penjajah.

Saya boleh kata di dalam Dewan yang mulia ini kehidupan yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di ladang-ladang lebih teruk jika dibandingkan dengan zaman-zaman penjajah yang telah berlalu.

Oleh itu saya menyokong penuh di atas peruntukan ini, tetapi berharap di masa akan datang Menteri berkenaan boleh memperuntukkan lebih sedikit kepada ladang-ladang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.53 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan, berkenaan dengan peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, menyentuh dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas berkenaan dengan peruntukan sebanyak \$12.18 juta yang telah diminta oleh Kementerian ini sebagai peruntukan pinjaman kepada MARA untuk membeli ekuiti dalam Syarikat Pembangunan Pemasaran Industri Kampung, sukalah dinyatakan bahawa objektif Syarikat Pembangunan Pemasaran Industri Kampung (SPPIK) adalah untuk mewujudkan peluang-peluang kepada penduduk-penduduk luar bandar mengambil peranan sama ada dalam bidang perkilangan dan pengeluaran ataupun barangan bermutu untuk eksport; dan juga untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat desa, khususnya belia-belua yang terlatih dan mengurangkan penghijrahan belia-belua ke bandar-bandar.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pendapat yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa kejayaan syarikat-syarikat ini bergantung sepenuhnya kepada kecekapan dan juga, dengan izin, aggressivanya pentadbiran ataupun pengurusan syarikat-syarikat ini. Setakat hari ini Kementerian telah pun mengenalpasti 6 projek yang akan dilaksanakan terus oleh Kementerian dengan peruntukan sebanyak \$3.910 juta dan di antara industri-industri itu

termasuklah Syarikat Industri Kayu Getah untuk perabut dan juga untuk eksport di Terengganu, Syarikat Industri Buluh iaitu untuk barangan buluh dan juga kertas di Kelantan, Syarikat Anyaman Rotan di Pahang, Kejuruteraan dan Foundry di Selangor, Industri Kayu untuk perabut dan Bentwood di Kelantan, dan juga kasut elastik di Negeri Sembilan.

Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang mengatakan bahawa pemasaran adalah satu-satunya yang terpenting jikalau kita hendak menjayakan syarikat-syarikat ini. Oleh itu kita telah pun mengikat perjanjian-perjanjian dengan beberapa buah syarikat supaya semua sekali pengeluaran yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini dapat dipasarkan keluar negeri. Hanyalah barang-barang yang tidak dapat dipasar ataupun "reject", dengan izin, akan dipasarkan dalam negeri.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor iaitu peruntukan Kementerian ini kepada kawasan-kawasan perladangan, sukalah dinyatakan bahawa peruntukan yang diminta hanyalah untuk Syarikat Pemasaran dan Pengeluaran Industri Kampung (SPPIK) dan juga untuk MARA dan bukanlah untuk kawasan-kawasan luar bandar. Bagaimanapun berkenaan dengan industri sukalah dinyatakan bahawa Kementerian mempunyai peruntukan melalui industri kecil di mana industri-industri juga boleh didirikan sama ada di kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali kawasan-kawasan kampung di mana tinggalnya penduduk Cina ataupun di kawasan-kawasan ladang di mana banyak tinggalnya penduduk-penduduk India.

Berkenaan dengan peruntukan kita mempunyai peruntukan sebanyak \$58

juta melalui MIDF dan juga \$152 juta melalui Bank Pembangunan. Kalau dahulunya peruntukan ini dikhaskan kepada Bumiputera, bagaimanapun baru-baru ini Kerajaan telah pun bersetuju supaya peruntukan ini dibuka kepada semua kaum.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga Hulu Selangor yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan peruntukan tambahan yang diminta oleh Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$40,880,000 yang disebutkan dalam Maksud P.63 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40,880,000 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1986.

**Tuan Pengerusi:** Fasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunn 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$742,096,740 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$742,096,740 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$742,096,740 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$742,096,740 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut.

disetujui.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang

Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$742,096,740 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$742,096,740 bagi maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas

Perintah 30 Tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.03 malam.*